

"ADALAH belum memadai jika penghulu dan ketua kampung itu cuma setakat menyampaikan pencen-pencen tua dan bantuan-bantuan kebajikan sahaja. Tetapi turut lebih penting di sini ialah komitmen dan budi bicara penghulu dan ketua kampung dalam memedulikan susah senang anak buah, tanpa perlu menunggu anak buah itu datang mengadu. Kerana bukan tidak ada anak buah kampung yang bersikap lebih sabar dan tidak suka mengadu, atau memang yang tidak tahu bagaimana untuk mengadu." - Titah Sempena Majlis Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan Ke-2 pada 31 Mac 2012.



Pelita  
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"SESUNGGUHNYA Allah tidak mengampuni dosa orang yang mempersekutukan-Nya dengan sesuatu dan mengampuni dosa, selain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh." - (Surah An Nisaa' ayat 116)

# Kejayaan AKC perlu kepimpinan berwibawa

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Anugerah Perak bagi Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) kepada Ketua Kampung Kapok, Awang Haji Marali bin Haji Ahmad. - Foto : Masri Osman (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 3, 12 dan 13).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Kejayaan dan kecemerlangan Projek Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) berkait langsung dengan aspek kepimpinan terutama sekali kepimpinan di peringkat akar umbi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan perkara itu ketika bertitah pada Majlis AKC Peringkat Kebangsaan Ke-3 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Bercakap mengenai kepimpinan ini, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, ia adalah tertumpu kepada semua dari penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung hingga kepada ahli-ahli dan penasihat-penasihat Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), selaku sifat mereka sebagai pendukung dan tonggak kepada institusi.

Menurut titah Kebawah DYMM, sehingga sekarang, kita masih bercakap mengenai kepimpinan, kerana kita sememangnya masih memerlukan kepimpinan yang berwibawa di peringkat akar umbi.

"Dengan adanya kepimpinan seperti ini, dapatlah diharapkan masyarakat akan menerima kesannya lebih mendalam bagi menghasilkan kemajuan yang lebih pesat di lingkungan dan kampung," tegas baginda.

Baginda menambah titah, kejayaan, kemajuan dan kecemerlangan sesebuah mukim dan kampung adalah terletak pada sejauh mana kepimpinan itu berlaku pada anak buah mukim dan kampung itu sendiri dan jika kepimpinan itu baik dan maju pasti kesannya juga akan membuahkan kebaikan dan kemajuan.

Ke muka 24

# ANUGERAH KAMPUNG CEMERLANG Penyertaan MPK semakin meningkat

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Peringkat Kebangsaan Ke-3, berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam majlis berkenaan dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN serta Penasihat-penasihat Jawatankuasa Tertinggi AKC Peringkat Kebangsaan Ke-3.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); DTYM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DTYM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Ke muka 12 dan 13



Muka 4

DYTM menerima mengadap Earl of Cranbrook Ke-5 dan Duta Besar Kesultanan Oman

## Beri perhatian aspek keselamatan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Masri Osman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru agar kriteria penilaian Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) perlu ditambah satu lagi aspek iaitu keselamatan kerana tanpa keselamatan, satu-satu kecemerlangan itu kurang bermakna.

Menurut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pada akhir-akhir ini telah kedengaran cerita tentang rumah-rumah yang telah dimasuki oleh pencuri atau perompak dan mangsa yang telah diancam dengan senjata-senjata tajam, sementara wang ringgit dan barang-barang berharga pula dilarikan oleh anasir-anasir tersebut.

Kebawah DYMM bertitah, perkara ini berlaku di dalam kampung dan malah bukan sebuah kampung sahaja yang mengalaminya tetapi banyak kampung.

Ke muka 3

# MPK berperanan menyekat kegiatan, anasir tidak bertanggungjawab

Assalamu'alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden,  
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyaraful Mursaleen,  
Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee  
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

**A**LHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir di Majlis Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Kali Ke-3 pada pagi ini.

Sukacita beta mengambil maklum bahawa AKC bagi Majlis-Majlis Perundingan Kampung (MMPK) Negara Brunei Darussalam telah mula diperkenalkan pada tahun 2008 dan dapat diteruskan lagi sehingga ke hari ini.

Beta difahamkan, bagi sesi ke-3 ini, sebanyak 104 MMPK seluruh negara telah menyertainya dan dari jumlah tersebut boleh dianggap sebagai satu peningkatan yang memberangsangkan. Walau bagaimanapun jumlah ini belumlah meliputi jumlah keseluruhan MMPK Negara Brunei Darussalam. Jumlah semuanya ialah sebanyak 181 buah, menandakan peningkatan adalah masih diperlukan lagi.

Beta akan gembira jika Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dapat menjalankan peranannya sebagai badan pergerakan akar umbi dan kemasyarakatan. Beta juga sangat mengharapkan supaya Skim AKC ini dapat merangsang ke arah usaha-usaha mensejahterakan masyarakat mukim dan kampung.

Kejayaan dan kecemerlangan Projek AKC adalah berkait langsung dengan aspek kepimpinan, terutama sekali kepimpinan di peringkat akar umbi.

Bercakap mengenai kepimpinan ini, ia adalah tertumpu kepada semua, dari Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, sampailah kepada Ahli-ahli dan Penasihat-penasihat MPMK selaku sifat mereka sebagai pendukung dan tonggak kepada institusi ini.

Sehingga sekarang kita masih bercakap mengenai kepimpinan, kerana kita sememangnya masih memerlukan kepimpinan yang berbilang-bagai di peringkat akar umbi. Dengan adanya kepimpinan seperti ini, dapatlah diharapkan masyarakat akan menerima kesannya lebih mendalam bagi menghasilkan kemajuan yang lebih pesat di lingkungan mukim dan kampung.

Kejayaan, kemajuan dan kecemerlangan sesebuah mukim dan kampung adalah terletak pada sejauh mana kepimpinan itu berlaku kepada anak-anak buah mukim dan kampung itu sendiri. Jika kepimpinan itu baik dan maju, pasti kesannya juga akan membuahkan kebaikan dan kemajuan.

Beta difahamkan, kriteria penilaian AKC Kali Ke-3 ini merangkumi aspek-aspek kepimpinan, perekonomian yang menjurus kepada Satu Kampung Satu Produk (1PIK), Pendidikan, Keagamaan dan Kemasyarakatan serta Kebersihan dan Keceriaan persekitaran kampung.

Pada hemat beta, adalah perlu ditambah satu lagi aspek dalam kriteria ini, iaitu aspek keselamatan. Kerana tanpa keselamatan, satu-satu kecemerlangan itu akan kurang bermakna.

Pada akhir-akhir ini telah kedengaran cerita, tentang rumah-rumah yang dimasuki oleh pencuri atau perompak. Ada mangsa yang telah diancam dengan senjata-senjata tajam, sementara wang ringgit dan barang-barang berharga pula dilarikan oleh anasir-anasir tersebut.

Perkara ini berlaku di kampung dan malah bukan sebuah kampung sahaja yang mengalaminya tetapi banyak kampung.

Di samping pihak keselamatan mesti bersungguh-sungguh menanganinya, di pihak orang ramai juga tidak boleh mengambil



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3.

ringan perkara ini. Ianya perlu dihadapi secara kolektif, dengan cara muafakat dan bersatu padu. Bulatkan azam dan tenaga menghadapinya. Janganlah dibiarkan anasir-anasir ini terus mengambil kesempatan daripada kecuaiannya dan kelalaiannya kita. Pastikan mereka itu mendapat pengajaran daripada masyarakat dan undang-undang. Jangan biarkan mereka terus beranggapan, bahawa bumi Brunei ini adalah tempat paling mudah untuk memperoleh rezeki yang haram.

Sudah barang tentu barisan yang paling di hadapan sekali untuk menghadapi cabaran ini, ialah MPMK. Mereka itu patut mempunyai rancangan dan strategi masing-masing, untuk bagaimana menyekat dan bahkan menumpaskan sama sekali kegiatan-kegiatan yang tidak bertamadun oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab itu.

Mereka ini, misalnya, adalah layak dan wajar untuk bekerjasama dengan pihak-pihak keselamatan secara sepatutnya.

Beta turut gembira mengetahui, bahawa terdapat banyak penglibatan oleh MMPK di dalam pameran-pameran dan jualan-jualan, sama ada yang berlaku di dalam mahupun di luar negara. Beta berpendapat, penglibatan seperti ini sangatlah berfaedah dan perlu ditingkatkan.

Oleh itu, memang sesuai produk-produk yang berkonsepkan 1KIP dihasilkan oleh MPMK dipasarkan, bukan saja dalam negara malah juga di luar negara dengan lebih teratur dan meluas. Perkara ini akan lebih mudah dibuat melalui usahasama yang padu daripada semua pihak, baik ia dari agensi-agensi kerajaan mahupun swasta.

Akhirnya, beta mengucapkan tahniah kepada Majlis Perundingan Kampung yang berjaya merangkul AKC Kali Ke-3 ini dan berharap, pada tahun akan datang usaha-usaha ke arah meningkatkan lagi kecemerlangan kampung-kampung akan terus diungkuhkan, sesuai dengan tujuan anugerah ini diadakan.

Sekian. Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang  
Pengarang.

1 MAC 2014 BERSAMAAN 1435 ربيع الآخر 29

## PEMIMPIN AKAR UMBI TUNJANG KEJAYAAN MPK

**A**NUGERAH Kampung Cemerlang (AKC) Majlis Perundingan Kampung (MPK) merupakan usaha berterusan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam membantu Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MMPK) agar lebih mencapai kejayaan dan kecemerlangan serta seterusnya meningkatkan lagi keberkesanan kepimpinan para penghulu dan ketua kampung Negara Brunei Darussalam.

Melalui AKC, ia menjadi titik tolak penyuntik semangat bekerjasama dalam kalangan penduduk di bawah MPMK untuk sama-sama mengembangkannya kampung masing-masing melalui kegiatan perekonomian yang menjurus kepada merealisasikan konsep Satu Kampung Satu Produk yang menjadi mercu tanda bagi setiap kampung. Selain itu, ia juga menitikberatkan bidang pengurusan, kegiatan keagamaan, kebajikan, pendidikan, seni dan kebudayaan, sukan dan kegiatan-kegiatan sosial kemasyarakatan lainnya.

Sehubungan itu, AKC Peringkat Kebangsaan Ke-3 Tahun 2014 telah menarik penyertaan sebanyak 104 daripada 181 buah MPK dari seluruh negara. Manakala 23 MPK berjaya dinilai layak untuk ke peringkat kebangsaan. Hal ini telah menunjukkan peningkatan berbanding kali pertama AKC diadakan pada 2010 yang menerima sebanyak 31 MPK dan kali kedua pada 2012 sebanyak 58 MPK.

Peningkatan penyertaan berkenaan menunjukkan respons yang baik daripada para pemimpin menerusi MPK yang menyedari tentang kepentingan bersatu padu untuk mewujudkan penglibatan aktif anak buah kampung untuk sama-sama meningkatkan keupayaan bagi membangunkan dan memajukan kampung masing-masing.

Bahkan bukan itu sahaja yang menjadi kayu pengukur kejayaan dan kecemerlangan sesebuah MPK, malah apa yang utama adalah peranan yang dipikul oleh para pemimpin di peringkat akar umbi yang terdiri daripada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang memandu anak buah kampung bagi sama-sama berusaha lebih gigih lagi untuk melaksanakan dan memajukan setiap projek yang dirancang. Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis AKC Peringkat Kebangsaan Ke-3, tegas baginda, "Dengan adanya kepimpinan seperti ini, dapatlah diharapkan masyarakat akan menerima kesannya lebih mendalam bagi menghasilkan kemajuan yang lebih pesat di lingkungan dan kampung."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, juga bertitah menyeru agar kriteria penilaian AKC perlu ditambah satu lagi aspek iaitu keselamatan kerana tanpa keselamatan, satu-satu kecemerlangan itu kurang bermakna.

Menurut titah Kebawah DYMM, pada akhir-akhir ini telah kedengaran cerita tentang rumah-rumah yang telah dimasuki oleh pencuri atau perompak dan mangsa telah diancam dengan senjata-senjata tajam, sementara wang ringgit dan barang-barang berharga pula dilarikan oleh anasir-anasir tersebut.

Berdasarkan titah baginda tersebut jelas bahawa setiap MPMK perlu mempunyai rancangan dan strategi bagi menumpaskan sama sekali kegiatan-kegiatan tidak bertamadun dan anasir-anasir tidak bertanggungjawab yang mengganggu ketenteraman masyarakat yang tinggal dalam sesebuah kampung. MPMK juga ditegaskan agar bekerjasama dengan pihak-pihak keselamatan untuk sama-sama menjaga keselamatan masyarakat.

Oleh itu, penyertaan MPK dalam AKC diharapkan meningkat lagi pada masa akan datang dan Skim AKC akan dapat menyuntik semangat penyertaan lebih ramai lagi dalam sama-sama memajukan kegiatan kampung. Tahniah diucapkan kepada para pemenang dan penerima hadiah penghargaan bagi AKC Peringkat Kebangsaan Ke-3 Tahun 2014. - **Ketua Penyuntingan. (Rd)**

Ramalan Cuaca Tiga Hari

	SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN	30°C / 25°C	31°C / 25°C	25°C / 25°C
MUARA	30°C / 26°C	31°C / 26°C	26°C / 26°C
PEKAN BANGAR	30°C / 25°C	31°C / 25°C	25°C / 25°C
PEKAN TUTONG	30°C / 25°C	31°C / 25°C	25°C / 25°C
PEKAN SERIA	30°C / 25°C	31°C / 25°C	24°C / 24°C
KUALA BELAIT	30°C / 25°C	31°C / 25°C	24°C / 24°C

Walaikum Bismillah  
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam  
Jabatan Penerangan Awam  
Telefon: 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca: 114

## SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

### Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,  
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,  
Norliah Md. Zain,  
Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Haji Aliddin Haji Moktal,  
Ak. Jeffery Pg. Durahman,  
Haniza Abdul Latif,  
Abdullah Asgar,  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,  
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,  
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,  
Rohani Haji Abdul Hamid,  
Nooratini Haji Abas,  
Khartini Hamir,  
Saerah Haji Abdul Ghani,  
Aimi Sani,  
Noraisah Muhammed,  
Aryentty Haji Arifin

### Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,  
Hajah Zabaidah Haji Salat,  
Mohammad Rainie Haji Durani

### Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,  
Haji Besar Haji Mamit,  
Hajah Norliha Haji Salleh,  
Ramlah Md. Nor,  
Nurul Hazwani Abu Omar,  
Siti Faizah Anisah Awang Mahani,  
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

### Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,  
Jurainah Haji Jait,  
Nornasyirah Nordin

### Penyuntingan

Haji Sahari Akim,  
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,  
Siti Muslihat Haji Salleh,  
Bolhassan Haji Abu Bakar,  
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

### Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

### Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,  
Haji Ahmad Haji Salim,  
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,  
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,  
Mohammad bin Kahar,  
Wan Mohamad Sahrani Wan Ahmadi,  
Hajah Raini Haji Bidin,  
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS  
991

POLIS  
993

BOMBA  
995

PENYELAMAT  
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
140

ELEKTRIK  
144

NDMC  
2380214

# MPK Kapok raih Anugerah Perak AKC Ke-3



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kapok, Mukim Serasa, Daerah Brunei dan Muara (DBM) terpilih sebagai pemenang Anugerah Perak bagi Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Peringkat Kebangsaan Ke-3 Tahun 2014.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkhalid Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah tersebut pada majlis yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Anugerah Perak berupa wang tunai sebanyak BND15,000, bantuan *grant* sebanyak BND40,000 bagi projek pembangunan dan kesejahteraan, plak, piala dan sijil diterima oleh Ketua Kampung Kapok, Awang Haji Marali bin Haji Ahmad.

Pemenang Anugerah Perak tersebut berjaya memenuhi kelima-lima kriteria penilaian AKC Peringkat Kebangsaan Ke-3, antaranya menyatukan warga kampung selari dengan tujuan dan objektif AKC iaitu meningkatkan integrasi masyarakat.

Melalui usaha-usaha yang telah dibuat itu dapat menyerlahkan kampung berkenaan sehingga dikunjungi oleh orang ramai termasuk pelancong dari luar negara.

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkhalid Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Anugerah Perak kepada Ketua Kampung Kapok (atas). Sementara gambar bawah, mengurniakan Anugerah kepada wakil sebuah kampung.



**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Norrasidah Jumat, Nur Hafizah Kamran  
Foto : Masri Osman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

Seperti pada AKC yang lepas, tidak ada MPK yang berjaya memenangi pingat emas.

Sementara itu, Pemenang Anugerah Gangsa disandang oleh MPK Kiudang Mukim Kiudang, Daerah Tutong yang diterima oleh Ketua Kampung Kiudang, Awang Haji Mohamad Saiful bin Abdullah Anja.

Pemenang Anugerah Gangsa menerima wang tunai bernilai BND10,000, bantuan *grant* sebanyak BND30,000 bagi projek

pembangunan dan kesejahteraan, plak, piala dan sijil.

MPK Kiudang menunjukkan pencapaian pada sebahagian kriteria penilaian antaranya aspek perekonomian kampung dan hal-hal kemasyarakatan, di samping berjaya menyatukan masyarakat kampung melalui projek berkonsepkan pelancongan.

Pada majlis itu MPK Belimbing, Mukim Kota Batu, DBM dan MPK Belais dan Buda-Buda, Mukim Bokok, Daerah Temburong masing-masing juga terpilih menerima hadiah penghargaan.

Menerima bagi MPK Belimbing ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim yang juga Ketua Kampung Belimbing, manakala menerima bagi MPK Belais dan Buda-Buda ialah Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda, Awang Haji Ahmad bin Md. Husain @ Haji Jibma.

Kedua penerima penghargaan itu masing-masing menerima wang tunai sebanyak BND7,000, bantuan *grant* sebanyak BND15,000 bagi projek pembangunan dan kesejahteraan, plak dan sijil.

Meskipun terdapat Majlis-Majlis Perundingan Kampung (MMPK) yang telah menunjukkan pencapaian yang meningkat daripada AKC Peringkat Kebangsaan Ke-2, tetapi usaha-usaha yang lebih keras masih



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkhalid Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah pada Majlis Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Peringkat Kebangsaan Ke-3.

## Dari muka 1

“Di samping pihak keselamatan mesti bersungguh-sungguh menangannya, di pihak orang ramai juga tidak boleh mengambil ringan perkara ini,” tegas titah baginda pada Majlis AKC Peringkat Kebangsaan Ke-3, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Baginda menyaran agar ia dihadapi secara kolektif dengan cara muafakat dan bersatu padu serta membulatkan azam dan tenaga menghadapinya, di samping tidak membiarkan anasir-anasir itu terus mengambil kesempatan daripada kecuai dan kelalaian kita.

“Pastikan mereka itu mendapat pengajaran daripada masyarakat dan undang-undang. Jangan mereka terus beranggapan bahawa bumi Brunei ini adalah tempat yang paling mudah untuk memperolehi rezeki yang haram,” titah baginda.

Barisan yang paling di hadapan sekali bagi menghadapi cabaran ini, tambah titah baginda ialah Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK).

Mereka itu titah baginda, patut mempunyai rancangan dan strategi masing-masing untuk bagaimana menyekat dan bahkan menumpaskan sama sekali kegiatan-kegiatan yang tidak bertamadun dan anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab itu, di samping mereka layak dan wajar untuk bekerjasama dengan pihak-pihak keselamatan secara yang sepatutnya.

Menyentuh penglibatan Majlis Perundingan Kampung dalam pameran-pameran dan jual-jualan sama ada di dalam mahupun di luar negara, baginda berpendapat penglibatan seperti ini sangat berfaedah dan perlu ditingkatkan.

Oleh itu titah baginda, memang sesuai produk-produk yang berkonsepkan ‘Satu Kampung Satu Produk’ yang dihasilkan oleh MPMK dipasarkan bukan sahaja dalam negara, malah juga di luar negara dengan lebih teratur dan meluas.

Baginda bertitah, perkara ini akan lebih mudah melalui usahasama yang padu daripada semua pihak, baik dari agensi-agensi kerajaan mahupun swasta.

Pada majlis itu baginda juga bertitah mengucapkan tahniah dan berharap pada tahun akan datang usaha-usaha ke arah meningkatkan lagi kecemerlangan kampung-kampung akan terus diungkapkan sesuai dengan tujuan anugerah ini diadakan.

lagi diperlukan dengan mengambil kira pencapaian setakat ini belum sampai ke tahap optima yang dikehendaki.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) akan terus mempergiatkan lagi usaha untuk meningkatkan pencapaian tersebut, antaranya dengan lebih menekankan kefahaman dan keyakinan MMPK

terhadap AKC.

Selain itu KHEDN juga akan terus memberikan bimbingan kepada MPK yang menyertai AKC serta membuat tambahan kepada proses penilaian supaya setiap usaha yang dibuat oleh MMPK itu dapat dinilai dengan lebih fokus ke arah meningkatkan pencapaian MPK ke tahap yang lebih tinggi.



# DYTM menerima mengadap Earl of Cranbrook Ke-5 dan Duta Besar Kesultanan Oman



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Earl of Cranbrook Ke-5, Yang Amat Berhormat Gathorne Gathorne-Hardy (kiri) dan berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashel bin Rashed bin Hashel Al-Maskar, berlangsung di Qashr Al-Meezaan (kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Earl of Cranbrook Ke-5, Yang Amat Berhormat Gathorne Gathorne-Hardy

di Qashr Al-Meezaan.

Yang Amat Berhormat Lord Cranbrook berada di Negara Brunei Darussalam bagi menyampaikan taklimat khas dalam Majlis Pelancaran Projek Kajian Sungai Ingei, Fasa II - 'Faunal Biodiversity Survey in the Extension Zone of the Proposed Belait Basin Wildlife Sanctuary'.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut

ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Juga hadir dalam Majlis Mengadap ialah Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama David Campbell.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM, juga

berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashel bin Rashed bin Hashel Al-Maskar, berlangsung di Qashr Al-Meezaan.

Tuan Yang Terutama menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 25 Februari 2014.

# Brunei DPMM FC berjaya tumpaskan Warriors FC 2-0

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 28 Februari. - Pasukan Brunei DPMM FC berjaya menumpaskan pasukan Warriors FC dalam Kejohanan Bola Sepak Liga S yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Kemenangan 2-0 ke atas pasukan Warriors FC tersebut dicetak pada separuh masa kedua selepas kedua-dua pasukan gagal melakukan sebarang jaringan pada awal 45 minit permainan pertama.

Kemenangan tersebut merupakan khabar gembira sekali gus membuka tirai perlawanan pusingan pertama di tempat sendiri selepas menang ke atas perlawanan pembukaan pada 22 Februari lalu di gelanggang luar dengan menumpaskan pasukan Albirex Niigata FC 1-0.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat menyaksikan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli



BERANGKAT menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Juga berangkat menyaksikan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berserta kerabat diraja yang lain.

Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Abdul Muntaqim dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Aleem berserta kerabat diraja yang lain.

Pasukan Brunei DPMM FC memisahkan jurang ketika perlawanan baru bermula tiga minit selepas rehat separuh masa pertama yang berawal dari percubaan Roberto Alves yang ditampar oleh salah seorang pemain benteng pasukan lawan.

Tamparan bola yang kurang sempurna tersebut berjaya direbut

kembali oleh Rodrigo Tosi yang kemudiannya melakukan *looping* yang berjaya melimpasi jangkauan penjaga gol pasukan Warriors FC, Hassan Sunny untuk memberikan cetak gol pertama bagi pasukan tuan rumah.

Pasukan Brunei DPMM FC hampir menambah jaringan pada minit ke-56, namun jaringan yang dilakukan oleh Roy O' Donovan tidak diakui kerana dinyatakan *off side* oleh pengadil garisan.

Pasukan tuan rumah yang tampil berbeza daripada persembahan separuh masa pertama menghadirkan saingan separuh masa kedua dengan

melakukan serangan pantas dari hasil hantaran-hantaran pendek sekali gus menggusarkan pasukan lawan berbanding pada babak pertama yang kurang meyakinkan.

Pasukan pelawat yang cuba menggandakan pemain tengahnya, Hafiz Rahim untuk rancangan serangan mereka seperti yang diharapkan pada perlawanan menumpaskan pasukan Geylang International tempoh hari lalu tidak menemui rentak sebenar, sekalipun cuba dibantu oleh Miroslav Pejic dan Marin Vidosevic.

Pasukan tuan rumah berjaya

mengandakan jaringan selepas ketua pasukan, Rosmin Kamis berjaya menembusi gawang pasukan pelawat pada saat penghujung perlawanan.

Dengan kemenangan ini rekod kurang baik pasukan tuan rumah ke atas pasukan Warriors FC sejak akhir-akhir ini lebur.

Perlawanan seterusnya bagi pasukan Brunei DPMM FC ialah pada 14 Mac menentang pasukan Home United di gelanggang luar dan diikuti pada 28 Mac bertemu pasukan Geylang International FC di tempat sendiri.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim juga berkenan berangkat menyaksikan perlawanan tersebut.

# Brunei - Kuwait tingkat kerjasama pelbagai bidang

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 25 Februari. - Kedutaan Besar Kuwait di Negara Brunei Darussalam mengadakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-53 yang diadakan di sebuah hotel di Gadong, di sini.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan disusuli dengan lagu kebangsaan Kuwait.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Majlis Resepsi itu ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof dan isteri, Datin Paduka Dayang Hajah Salmah binti Haji Hanafiah.

Pada majlis tersebut Yang Berhormat dan Duta Besar Kuwait ke negara ini, Tuan Yang Terutama Dr. Fahad M S Al-Thafiri juga memotong kek ulang tahun Hari

Kebangsaan Kuwait.

TYT Dr. Fahad M S Al-Thafiri dalam ucapannya antara lain, mengimbas kembali mengenai keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Kuwait pada Oktober 2012 semasa Sidang Kemuncak Kerjasama Dialog Asia Pertama.

Lawatan tersebut katanya, telah memberi peluang untuk merasmikan fasa baru dalam mengukuhkan lagi hubungan dua hala selain sebagai kesempatan untuk meneroka lebih banyak peluang meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang bagi kepentingan bersama.

Negara Brunei Darussalam dan Kuwait menubuhkan hubungan diplomatik pada 1 Mei 1990 dan terus berkembang meliputi bidang perdagangan, ekonomi, kebudayaan, perhubungan, pendidikan, kesihatan, pelancongan dan sukan.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof dan Duta Besar Kuwait ke negara ini, Tuan Yang Terutama Dr. Fahad M S Al-Thafiri memotong kek ulang tahun Hari Kebangsaan Kuwait.

## Kontinjen Persahabatan Brunei-Jepun diberi penghargaan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 23 Februari. - Kontinjen Persahabatan Brunei-Jepun (Brunei-Japan Friendship Contingent) terdiri dari persatuan-persatuan persahabatan di antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun, iaitu Persatuan Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (Ship for South East Asian Youth Programme), Alumni Penuntut Brunei di Jepun (Brunei Alumni of Japan Association) dan Persatuan Warganegara Jepun di Negara Brunei Darussalam (Japanese Association of Brunei Darussalam), telah mengadakan satu Majlis Makan Tengah Hari sebagai penghargaan kepada peserta-peserta yang ikut serta dalam Perhimpunan Agung Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

Kali Yang Ke-30 yang diadakan di Restaurant Ayamku, Tingkat 1, Hotel Grand City, Kampung Batu Bersurat, Gadong.

Pada tahun ini merupakan penyertaan kali pertama bagi Kontinjen Persahabatan Brunei-Jepun dalam perhimpunan agung Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama meraikan dan memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-30 Tahun, di samping untuk mengisikan sambutan Sempena Memperingati 30 Tahun Persahabatan Jepun-Brunei Darussalam (30th Anniversary Japan-Brunei Friendship).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Duta Besar Jepun di Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kenichi Suganuma.

Majlis ini juga telah dihadiri

oleh bekas-bekas peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAYP), ahli-ahli Persatuan Alumni Penuntut Brunei di Jepun dan juga ahli-ahli Persatuan Masyarakat Jepun di Negara Brunei Darussalam.

Dalam ucapan alu-aluan Yang Dipertua Persatuan Bersatu, Awang Haji Jailani bin Haji Ibrahim menyatakan bahawa Persatuan Bersatu amatlah berbangga kerana dapat menjadi penyelar bagi kontinjen ini dan penyertaan seperti ini akan berterusan pada masa-masa akan datang.

Beliau juga menjelaskan, Persatuan Bersatu telah mengaturkan beberapa acara bagi mengisikan Sambutan Sempena 30 Tahun Persahabatan Jepun-Brunei pada tahun ini, yang mana penganjuran aktiviti tersebut bukan hanya tertumpu kepada ahli-ahli Persatuan ini malahan akan melibatkan penyertaan dari masyarakat terutama golongan belia di negara ini serta Majlis

Perundingan Kampung.

Awang Haji Jailani juga mengambil peluang untuk menyatakan penghargaan kepada Kerajaan Jepun kerana telah menganjurkan program-program pertukaran belia termasuk SSEAYP.

Majlis Penghargaan ini telah diteruskan dengan penyampaian hadiah kenang-kenangan kepada tetamu kehormat iaitu berupa baju seragam yang telah dipakai oleh Persatuan Bersatu dalam perbarisan Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Sementara itu, pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Jepun menyambut 30 tahun Ulang Tahun Persahabatan Jepun dan Brunei, yang mana



PENYAMPAIAN hadiah kenang-kenangan kepada tetamu kehormat, Duta Besar Jepun di Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kenichi Suganuma.

pelancaran sambutan tersebut telah dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam bersama Perdana Menteri Jepun, Tuan Shinzo Abe di Tokyo, Jepun pada Disember tahun lepas.

## Duit syiling kenang-kenangan sempena Hari Kebangsaan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 25 Februari. - Sempena memperingati Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), hari ini, mengeluarkan duit-duit syiling kenang-kenangan emas, perak dan kupronikel.

Duit-duit syiling kenang-kenangan ini akan sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam yang mana keterangan lanjut mengenainya adalah seperti berikut:-

Jenis	Nilai Muka	Berat	Jumlah	Harga Jualan
Emas 999.99	BND300	31.10 gm	200 keping	BND2,640 sekeping
Perak 999	BND30	31.10 gm	200 keping	BND160 sekeping
Kupronikel	BND3	31.10 gm	200 keping	BND90 sekeping
Set 3 dalam 1	BND300; BND30; BND3	seperti di atas	150 set	BND2,950 satu set

Duit-duit syiling kenang-kenangan tersebut dijual kepada orang ramai bermula hari ini di Jabatan Operasi Monetari, AMBD, Bangunan BCMB, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.



KONTINJEN Persahabatan Brunei-Jepun bergambar ramai sebagai tanda kenang-kenangan atas persahabatan yang telah lama terjalin.

# Tujuh geran inisiatif pendidikan dibincangkan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Norrasidah Jumat,  
Abdul Taib Haji Jais  
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 22 Februari. - Untuk memupuk persefahaman dan memberikan penjelasan khusus mengenai usaha-usaha dan perkembangan terkini dalam bidang pendidikan, Kementerian Pendidikan telah mengadakan Sesi Muzakarah Bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong hadir mempengerusikan Sesi Muzakarah yang berlangsung di Bilik Persidangan, Pusat Tingkatan Enam Sengkuring, di sini.

Pada Sesi Muzakarah itu, taklimat mengenai tujuh geran inisiatif

Kementerian Pendidikan disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Tujuh geran inisiatif itu adalah Kualiti Guru dan Profesionalisme, Pembangunan Kepimpinan, Numerasi dan Literasi, e-Hijrah, Sekolah Contoh (Model School), Transformasi Pendidikan Teknikal dan Talent Pipeline.

Kesemua inisiatif ini dirangka setelah melalui pelbagai sesi muzakarah dan perbincangan strategik bersama semua jabatan dan pihak-pihak yang berkepentingan di dalam dan luar Kementerian Pendidikan.

Ia bermatlamatkan hasrat mutlak untuk menyediakan generasi muda yang berkemahiran dan berpendidikan tinggi yang mampu meraih peluang



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan pegawai-pegawai kanan kementeriannya ketika mengadakan muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Pusat Tingkatan Enam Sengkuring.**

pekerjaan dan seterusnya akan mampu mengurangkan kadar pengangguran di negara ini sesuai dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda pada Perutusan Awal Tahun Masihi 2014 baru-baru ini.

Taklimat ini bertujuan sebagai wadah perbincangan dua hala antara Kementerian Pendidikan bersama ahli-ahli MMN mengenai isu-isu semasa pendidikan di negara ini.

Antara perkara lain yang disentuh pada sesi muzakarah tersebut termasuk isu-isu berbangkit mengenai Pendidikan Semasa Mesyuarat

Pertama dan Musim Permesyuaratan Kesembilan MMN pada bulan Mac 2013 lalu.

Majlis diakhiri dengan sesi soal jawab antara Jurutulis II (Kedua) kepada MMN, Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam bin Abd. Momin dan Ahli-ahli MMN bersama pihak Kementerian Pendidikan.

# RBD 2014 kembalikan zaman kegemilangan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 22 Februari. - Bagi mengembalikan zaman kegemilangan dan nostalgia sejarah Lumba Perahu dan Bot Laju yang diadakan pada zaman tahun 50-an, 60-an dan 70-an, Regata Brunei Darussalam (RBD) 2014 akan berlangsung di negara kita bermula pada hari Ahad, 2 Mac 2014 bertempat di Perairan Sungai Brunei berhadapan Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan di sini.

Perkara ini dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dato Paduka Awang Haji Abdul Majid bin Mangarshah yang juga selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi RBD 2014 pada Sidang Media yang diadakan di Bilik Mesyuarat, Ibu Pejabat KHEDN, di sini.

Jelasnya, RBD 2014 merupakan anjuran bersama tiga kementerian iaitu KHEDN, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang akan bermula pada 8.00 pagi dan di sebelah petang bermula 2.00 petang.

Objektif regata ini jelasnya, adalah untuk mengembalikan keceriaan suasana BSB bukan sahaja sebagai pusat bandar tetapi melalui acara yang diadakan, ia dapat meningkatkan pendapatan penduduk setempat untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan semasa acara itu nanti serta mampu menjana aktiviti perekonomian.

Selain itu, ianya juga mendukung ke arah memajukan lagi industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam dengan berkonsepkan 'Kenali Negara Kitani' (KNK), iaitu untuk terus menjadikan BSB sebagai pusat tarikan pelancong di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan acara RBD ini dan juga untuk menyaksikan acara-acara sampingan yang lain.

Dengan adanya kejohanan ini diharap akan dapat memeriahkan lagi suasana BSB dan menarik pelancong-pelancong dari luar negeri, di samping akan dapat mengenalkan Negara Brunei Darussalam di mata dunia sekain dari dapat membantu Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dalam menjana ekonomi mereka.

Kejohanan ini menurutnya, dihasratkan akan dijadikan sebagai acara tahunan dan dimasukkan ke dalam 'Calender Of Event' bagi menarik pelancong ke Negara Brunei Darussalam termasuk pelancong domestik dari keempat-empat daerah di negara ini.

Juga hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang

Roslan bin Haji Taja'ah selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi RBD 2014, Pegawai-pegawai Kanan selaku Urusetia Jawatankuasa Tertinggi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Media dan Publisiti RBD 2014.

**SIDANG Media Regata Brunei Darussalam (RBD) 2014 dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dato Paduka Awang Haji Abdul Majid bin Mangarshah yang juga selaku Timbalan Pengerusi Bersama.**



# SRMA barigakan Sambutan Hari Kebangsaan

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

**SERIA**, Sabtu, 22 Februari. - Sekolah Rendah Muhamamad Alam (SRMA) buat julung kali menganjurkan Majlis Sambutan Hari

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 dengan acara kemuncak memotong kek dan membaca Surah Yaa Siin serta Doa



**ACARA memotong kek Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 pada Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Rendah Muhammad Alam (SRMA), Seria (atas), sementara gambar bawah, SEMANGAT KEMERDEKAAN ... Murid-murid SRMA, Seria menyanyikan lagu patriotik sambil mengibarkan bendera kecil Negara Brunei Darussalam.**



Kesyukuran.

Sambutan dikendalikan oleh Hal Ehwal Murid sekolah tersebut bertujuan untuk meraikan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-30 yang bertema 'Generasi Berwawasan', di samping menzahirkan dan menanamkan semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan murid-murid sekolah.

Guru Kanan Hal Ehwal Murid, Dayang Sujimah binti Mejeri, selaku Pengerusi Majlis percaya dengan mengadakan majlis seumpama itu dapat memupuk dan menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara sambil mendukung falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

"Dengan menanamkan sifat patriotik yang berlandaskan ajaran agama Islam ke dalam diri setiap warga sekolah itu adalah satu perkara yang mustahak bagi melahirkan warganegara yang sedia berkorban untuk agama, negara dan bangsa serta setia kepada pemimpin," ungkap beliau pada majlis yang diadakan di sekolah berkenaan.

Beliau berharap dengan adanya majlis itu, murid-murid akan dapat mengambil manfaat daripadanya dalam kehidupan yang bermasyarakat dan bernegara.

Pengisian majlis dimulakan dengan acara perbarisan lalu enam murid membawa bendera besar Negara Brunei Darussalam diiringi dengan paluan hadrah dan diteruskan dengan menyanyikan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan doa sekolah.

Penyerahan bendera kecil disampaikan oleh Guru Besar, Dayang Hajah Saadiah binti Haji

Abdul Aziz kepada semua guru darjah yang kemudian mengagihkan bendera-bendera tersebut kepada anak-anak murid masing-masing.

SRMA mempunyai 250 murid belajar dari Pra hingga Tahun 6 dan tenaga pengajar 27 orang.

Acara diteruskan dengan menyanyikan lagu patriotik serta disusuli dengan kemuncak acara, memotong kek Hari Kebangsaan bersama Guru Besar dan Pengerusi Majlis serta Pengawas Am, Dayang Hayati binti Haji Ismail yang disaksikan oleh warga sekolah termasuk guru-guru, murid-murid dan kakitangan sekolah di perkarangan sekolah dan kek kemudian diagihkan kepada semua yang hadir.

Guru Besar bersama semua tenaga pengajar dan murid-murid serta kakitangan seterusnya beredar ke ruang lain sekolah bagi Majlis Membaca Yaa Siin dan Doa Kesyukuran yang diketuai oleh Guru Ugama, Awang Zulaidi bin Haji Zakaria.

Acara membarigakan Hari Kebangsaan di sekolah itu diteruskan dengan aktiviti yang menjurus kepada Hari Kebangsaan meliputi peraduan mewarna bendera Negara Brunei Darussalam bagi murid-murid rendah bawah manakala kuiz bagi penyertaan murid-murid Tahun 4 dan 5 sementara peraduan melukis dan mewarna bendera Negara Brunei Darussalam bagi murid-murid Tahun 6.

Pemenang peraduan akan menerima hadiah di Majlis Show Case Penggal Pertama Persekolahan yang dijangka akan diadakan pada 8 Mac depan di sekolah itu.

# TAIB serah lebih BND3 juta wang zakat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Februari. - Sejumlah BND3,265,256.18 kumpulan zakat daripada penyimpan-penyimpan wang simpanan di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) bagi tahun 2013 telah diserahkan kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, selaku Yang Di-Pertua MUIB menerima wang zakat berkenaan pada majlis yang berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Ugama, di sini.

Wang zakat tersebut telah diserahkan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar; Pemangku Pengarah Urusan TAIB, Dayang Hajah Fa'aizah binti Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Wang zakat yang diterima itu akan diagihkan kepada asnaf zakat yang berhak di negara ini yang terdiri daripada asnaf fakir miskin, muafaf, amil, al-Gharimin dan ibnu sabil.

Pembayaran zakat melalui akaun simpanan merupakan perkhidmatan unik yang diberikan kepada para pemegang akaun simpanan TAIB.

Di antara matlamat utama

perkhidmatan ini adalah untuk menggalakkan dan memberikan kemudahan kepada orang Islam untuk melaksanakan ibadat zakat dengan mudah dan teratur. Kemudahan tersebut termasuklah pembayaran melalui potongan akaun simpanan TAIB dan mesin-mesin ATM.

MUIB merupakan badan agama Islam yang tertinggi di negara ini yang mempunyai bidang kuasa dalam pengurusan dan pengendalian kutipan dan agihan wang zakat berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sebagaimana yang termaktub dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Panggal 77, Pindaan 1984 iaitu menerusi bab-bab 114 hingga 121 dan juga Peraturan Zakat dan Fitrah 1969.



MENTERI Hal Ehwal Ugama yang juga selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa menerima penyerahan wang zakat penyimpan-penyimpanan wang simpanan di TAIB bagi tahun 2013 Masih dari Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof.

# 28 qari, 12 qariah terpilih

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Februari. - Seramai 28 qari dan 12 qariah yang memperolehi markah 80 peratus ke atas telah terpilih memasuki Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi.

Pertandingan yang berlangsung sejak 17 Februari lepas keseluruhannya disertai oleh 64 orang setelah beberapa orang peserta menarik diri.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, selaku Pengerusi Jemaah Hakim Pertandingan di Majlis

Pengumuman dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Suku Akhir Kebangsaan yang diadakan di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah Kampung Sungai Akar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Pada tahun kebelakangan dan termasuk tahun ini serta tahun-tahun mendatang, Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Awang Haji Idris bin Haji Aji selaku Pengerusi Bersama Pertandingan menjelaskan,

urus setia pertandingan tetap memperketatkan tatacara pendaftaran seperti yang sedia ada dan tidak akan bertolak ansur tentang kelalaian dalam perkara pendaftaran untuk menyertai pertandingan.

Perkara ini dilakukan katanya, adalah untuk kelancaran proses persiapan pertandingan dan juga bagi mendisiplinkan peserta-peserta supaya nantinya terbiasa dengan peraturan-peraturan yang diadakan.

Ceramah khas yang bertajuk 'Kajian Terhadap Ketulenan Teks Al-Qur'an' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Ahmad Baha bin Mokhtar turut menyerikan majlis pengumuman keputusan tersebut.



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong hadir pada Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Suku Akhir Kebangsaan.

## Hajah Aminah terima rumah bantuan YSHHB

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,  
Siti Akmar Khairunnisa Abdul Rahman  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**PENGKALAN BATU,** Rabu, 19 Februari. - Pembinaan rumah bantuan Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) kepada mereka yang kurang berkemampuan bertujuan memberi peluang kepada penerima untuk meneruskan kehidupan yang selesa, bersih dan selamat bagi mewujudkan kehidupan berkeluarga yang aman dan harmoni.

Dayang Hajah Aminah binti Haji Ahmad menerima anak kunci Rumah Bantuan Skim Perumahan YSHHB, berlangsung di rumah kediaman beliau di Kampung Limau Manis, di sini.

Hadir menyempurnakan penyerahan anak kunci rumah tersebut ialah Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.

Sebelum ini rumah kediaman Dayang Hajah Aminah adalah dalam keadaan daif dan usang serta tidak mempunyai bekalan elektrik.

Sementara itu, kos membina rumah bantuan yang mempunyai tiga buah bilik tidur dilengkapi dengan bilik tamu, dapur dan tandas itu menelan belanja sebanyak BND46,500.

Turut hadir ialah wakil-wakil agensi kerajaan seperti Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Tanah, Jabatan Ukur, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Pihak

Berkuasa (Autoriti) Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi), Jabatan Perkhidmatan Teknikal (DTS) Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, pegawai-pegawai dari YSHHB, Penghulu Mukim Pengkalan Batu dan Ketua Kampung Limau Manis.

Penubuhan YSHHB adalah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli keluarga baginda iaitu sebagai tanda pemeduliaan dan kasih baginda kepada rakyat, di samping mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan makmur di negara ini.



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail menyerahkan anak kunci rumah bantuan kepada Dayang Hajah Aminah binti Haji Ahmad.



TIMBALAN Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali menyampaikan hadiah kepada qari dan qariah (atas dan bawah).





**TIMBALAN** Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menurunkan Bendera Besar Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun.

Oleh : Abdullah Asgar

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 26 Februari. - Bendera Besar Negara Brunei Darussalam yang dinaikkan dan berkibar selama 18 hari di kawasan lapang Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, hari ini diturunkan.

Bendera berukuran besar negara itu dinaikkan sejak 9 Februari lalu sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Kebangsaan Ke-30.

Acara bermula dengan para anggota Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) masuk bagi

# Bendera besar negara diturunkan

menurunkan bendera besar negara dengan diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' yang dinyanyikan oleh gabungan kumpulan koir dari Maktab SOAS, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Masna dan Sekolah Menengah Berakas serta diiringi juga oleh pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Bendera besar berkenaan kemudiannya diserahkan kepada tetamu kehormat, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned oleh ketua anggota TLDB untuk diserahkan kepada Jabatan Adat Istiadat Negara.

Malis tersebut diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Muhammad Amin bin Haji Salim.

Hadir di majlis tersebut termasuk Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus selaku Pengerusi majlis; Yang Berhormat Ahli Majlis

Mesyuarat Negara, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, para pegawai kanan dan jemputan khas.



**ANGGOTA** Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) semasa menurunkan bendera besar Negara Brunei Darussalam.

## Hayati bendera, Lagu Kebangsaan Negara

Oleh : Nooratihi Haji Abas

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**JERUDONG,** Rabu, 26 Februari. - Murid-murid diseru untuk menjiwai dan menghayati bendera Negara Brunei Darussalam dan Lagu Kebangsaan Negara kerana ia merupakan sebahagian daripada peranan dan tanggungjawab kita sebagai orang Brunei.

Pegawai Penerangan di Jabatan Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim selaku Ketua Unit Kenegaraan menyentuh perkara itu ketika menyampaikan ceramah bertajuk Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan pada Sambutan Hari Kebangsaan Ke-30 Negara Brunei Darussalam Peringkat Sekolah Ugama Jerudong, Kawasan Brunei III berlangsung di sekolah agama berkenaan.

Semasa menyampaikan ceramah itu, beliau juga mengongsikan mengenai sejarah dan latar belakang bendera negara dan lagu kebangsaan, di samping mendedahkan tentang peraturan-peraturan dan cara menaikkan bendera,

menghormati bendera dan lagu kebangsaan tersebut.

"Bendera negara hendaklah dikibarkan dengan cara yang betul mengikut kaedah-kaedah yang telah ditentukan seperti di bangunan-bangunan, sekolah-sekolah, rumah-rumah persendirian dan sebagainya," jelasnya.

Persembahan nyanyian lagu kebangsaan 'Brunei Bumi Bertuah' dan 'Merdeka Brunei Darussalam' dibawakan oleh para murid darjah IV, V dan VI sekolah tersebut turut menyerikan lagi majlis tersebut.

Terdahulu sebelum itu, sambutan dimulakan dengan menaikkan bendera negara oleh Pasukan Kadet Tentera dari Sekolah Menengah Sayyidina Hussain, Jerudong yang diiringi dengan Lagu Kebangsaan negara 'Allah Peliharakan Sultan' dan diikuti dengan ikrar diketuai oleh Awang Ahmad Waliyyuddin bin Shahdan.

Seterusnya, diteruskan dengan lagu patriotik



**TEMU** ramah bersama Ketua Unit Kenegaraan, Awang Haji Dayang bin Haji Kassim.

'Bendera Negara' dan 'Berkibarlah Bendera' oleh para murid darjah pra hingga enam yang menyertai sambutan tersebut.

Sambutan itu diadakan sebagai salah satu aktiviti tahunan sekolah tersebut, di samping untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan para murid-murid sekolah itu agar lebih semangat dan mencintai negara sesuai dengan tema sambutan tahun ini iaitu 'Generasi Berwawasan'.



**UPACARA** Menaikkan Bendera Negara oleh Pasukan Kadet Tentera dari Sekolah Menengah Sayyidina Hussain, Jerudong.

## Upacara Penurunan Bendera di Menara Cendera Kenangan

Berita dan Foto :  
Dk. Hajah Saidah  
Pg. Haji Omaralli

**KUALA BELAIT,** Rabu, 26 Februari. - Upacara Penurunan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun bagi Daerah Belait telah diadakan di kawasan Menara Cendera Kenangan, di sini.

Upacara Penurunan Bendera disaksikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman yang dimulakan dengan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat yang diketuai oleh Imam Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Haji Md. Alias bin Bakar.

Pasukan Pengibar Bendera Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) kemudian bergerak masuk bagi Upacara Menurunkan Bendera yang diiringi dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei



**BENDERA** negara dilipat rapi untuk diserahkan kepada Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman untuk disimpan.

Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan oleh Kumpulan Koir, Maktab Anthony Abell, Seria.

Wakil PDB kemudian menyerahkan bendera kepada Pegawai Daerah untuk disimpan dan majlis disudahi dengan bacaan doa selamat.

Upacara Menurunkan Bendera tersebut menandakan Upacara Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun telah

pun berakhir dan orang ramai hendaklah menurunkan bendera mereka mulai dari hari ini.

Hadir sama di upacara tersebut termasuk ahli jawatankuasa pengibar bendera sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Belait, ketua-ketua jabatan dan cawangan Daerah Belait dan wakil-wakil dari pihak swasta dan para jemputan.

# Keamanan negara tanggungjawab bersama

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita baru sahaja meraikan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-30 Tahun. Ini bererti sudah 30 tahun negara kita mencapai kemerdekaan. Merdeka adalah suatu nikmat yang sangat tinggi nilainya dan sangat berharga bagi sebuah negara dan seluruh isi rakyatnya. Merdeka bererti bebas dari sebarang kuasa luar dari terlibat dengan pentadbiran di sesebuah negara. Kita bersyukur kerana negara kita sedang membangun dan seterusnya rakyat dan penduduk negara ini dapat hidup dengan aman dan damai di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Apa yang kita harapkan ialah agar negara kita terus berkecakan aman dan sejahtera. Namun hakikatnya pada masa ini, dunia menghadapi ancaman dari pihak atau kumpulan yang bertindak mengancam keamanan dengan perbuatan ganas seperti kumpulan militan. Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-30 Tahun yang baru lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah, antara petikan titah baginda ialah:

“Selaku 'Generasi Berwawasan', kita mustahak berhati-hati terhadap apa jua bentuk cabaran, termasuk cabaran oleh atau dari golongan yang mengaku turut mendukung hasrat suci kita, tetapi kemudiannya memesonkan dukungan itu kepada kepentingan-kepentingan lain.”

Ada pun di antara perkara yang dilakukan oleh golongan yang memesonkan hasrat suci negara kita demi kepentingan-kepentingan lain itu antaranya ialah percubaan untuk membawa fahaman militan. Baru-baru ini kita telah mendengar dari media massa dan media cetak mengenai keberadaan individu warga asing yang juga membawa fahaman militan ke Negara Brunei Darussalam. Negara ini telah menjadi sasaran sebagai tempat perlindungan kumpulan pengganas serta menjadi sumber pengumpulan dana untuk membiayai aktiviti pengganas. Perkembangan semasa ini dinilai sebagai satu ancaman yang boleh memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam di Negara Brunei Darussalam.

Perlulah diketahui bahawa pelbagai cara telah dilakukan dalam menyebarkan fahaman serta gerakan militan antaranya menerusi internet khususnya laman web dan blog, selain itu ada juga yang dilakukan melalui kegiatan atau perkumpulan keagamaan yang digunakan sebagai saluran untuk warga asing memasuki Negara Brunei Darussalam dan seterusnya mengembangkan fahaman ekstrem mereka kepada warga tempatan.

Maka dalam menangani pelbagai ancaman

yang dihadapi oleh negara, agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan adalah bertanggungjawab menjaga keamanan negara. Namun keamanan sesebuah negara itu tidak akan dapat dicapai dengan cemerlang tanpa didukung oleh semua rakyat dan penduduk negara ini. Oleh itu, selaku rakyat dan penduduk negara ini, kita adalah turut sama bertanggungjawab untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara kita yang tercinta ini, antara perkara yang perlu kita lakukan ialah:

Pertama : Kita perlulah berwaspada dan berhati-hati dengan fahaman dan gerakan militan yang menyokong keganasan. Kita juga hendaklah memerhatikan tindak-tanduk anak-anak dan ahli keluarga terutama ketika melayari internet bagi mengelak mereka dari terpengaruh atau terpedaya dengan mana-mana fahaman militan yang menyokong keganasan yang boleh menggugat ketenteraman negara. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al A'raaf ayat 33:

Tafsirnya : “Katakanlah : Sesungguhnya Tuhanmu hanya mengharamkan perbuatan keji sama ada yang terang mahupun yang tersembunyi dan perbuatan dosa serta menceroob hak sesama manusia tanpa alasan yang memang tidak dibenarkan, dan demikian juga diharamkan kamu mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Dia tidak menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya, dan diharamkan kamu memperkatakan terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui.”

Kedua : Kita hendaklah tidak melibatkan diri dalam apa jua bentuk atau aktiviti pengganas yang dilakukan secara persendirian atau berkumpulan.

Ketiga : Kita hendaklah menjadi mata dan telinga bagi pihak berkuasa di negara ini dan melaporkan apa jua aktiviti yang berkaitan dengan pengganas kepada agensi keselamatan di Negara Brunei Darussalam.

Keempat : Kita hendaklah juga sentiasa berhati-hati dalam memberikan sumbangan atau derma khususnya keluar negara kerana dikhuatiri sumbangan berkenaan disalahgunakan bagi kegiatan militan atau pengganas.

Perlu diketahui bahawa segala bentuk perjuangan mempertahankan keamanan dan keselamatan agama dan negara adalah sebahagian daripada ibadah dan tanda jihad kita di jalan Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah masanya, semua umat Islam di negara ini mesti bersatu demi mempertahankan kedaulatan agama dan negara berdasarkan segala kemampuan yang ada dan wajib menolak sebarang usaha dari mana-mana pihak yang cuba menghancurkan keamanan negara ini. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al An'am ayat 82 :

Tafsirnya : “Orang-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan daripada bencana dan mereka mendapat hidayah.”



Ketahuilah bahawa menderhaka dan mengkhianati negara merupakan satu dosa besar. Pengkhianatan dan penderhakaan kepada negara termasuklah cubaan menjatuhkan negara dengan bersekongkol bersama pihak musuh.

Sesungguhnya Islam agama yang mencintai keamanan. Islam tidak menyuruh umatnya melakukan kerosakan, kejahatan, kemungkaran, kezaliman, kekerasan dan sebagainya. Apa pun perbuatan yang dilakukan oleh pihak militan sebenarnya bertentangan dengan ajaran Islam, walaupun kumpulan tersebut mengaku bahawa apa yang mereka perjuangkan adalah demi agama, tetapi hakikatnya Islam tidak mengajar umatnya untuk bertindak ganas, berbuat sesuka hati apa lagi perbuatan tersebut membawa kemudatan dan menyebabkan kematian kepada orang lain.

Marilah kita bersama-sama berusaha mempertahankan negara kita ini dari dicerobohi mereka yang tidak bertanggungjawab, marilah kita berganding bahu, bersatu padu, menjauhi perpecahan dan mengeratkan perpaduan di kalangan kita agar apa jua usaha untuk menggugat keharmonian dan keamanan negara dapat digagalkan. Marilah sama-sama kita berdoa agar keamanan di negara kita berkecakan serta dijauhkan dari segala malapetaka yang boleh menjejaskan usaha membangunkan agama, bangsa dan negara, serta sentiasa dalam lindungan dan pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Anbiyaa' ayat 92 :

Tafsirnya : “Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu dan Akulah Tuhan kamu maka sembahlah Aku.”

**APA yang kita harapkan ialah agar negara kita terus berkecakan aman dan sejahtera. Namun hakikatnya pada masa ini, negara menghadapi ancaman dari pihak atau kumpulan yang bertindak mengancam keamanan dengan perbuatan ganas seperti kumpulan militan. Sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-30 Tahun yang baru lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah, antara petikan titah baginda ialah: “Selaku 'Generasi Berwawasan', kita mustahak berhati-hati terhadap apa jua bentuk cabaran, termasuk cabaran oleh atau dari golongan yang mengaku turut mendukung hasrat suci kita, tetapi kemudiannya memesonkan dukungan itu kepada kepentingan-kepentingan lain.”**

## وقت سمبھيغ داءيرد بروني موارا دان تمبوروغ ، امساک ، شوروق دان ضحي

وقت سمبھيغ ، امساک ، شوروق دان ضحي بائي داءيرد بروني موارا دري هاري سينو 1 مرچ 2014 برسامان دغن 29 ربيع الاخير 1435 هيفغ  
كھاري جمعة 7 مرچ 2014 برسامان 5 جمادى الأول 1435 ادائه سقرت دباود اين :

عشاء	مغرب	عصر	ظهر	ضحى	شوروق	صبح	امساک	هجريه ربيع الاخير	ھاري	مسيحي مرچ
7.43	6.34	3.50	12.34	6.55	6.31	5.15	5.05	29	سينو	1
7.43	6.34	3.50	12.34	6.55	6.31	5.15	5.05	30	احد	2
7.43	6.34	3.49	12.34	6.54	6.31	5.14	5.04	جمادى الأول 1	اثنين	3
7.43	6.34	3.49	12.34	6.54	6.30	5.14	5.04	2	ثلاث	4
7.43	6.34	3.48	12.33	6.53	6.30	5.14	5.04	3	رابعو	5
7.43	6.34	3.47	12.33	6.53	6.30	5.14	5.04	4	خميس	6
7.43	6.33	3.47	12.33	6.53	6.29	5.13	5.03	5	جمعة	7

وقت 2 سمبھيغ بائي داءيرد نوروغ دتمبه ساتو مينيت دان داءيرد بلايت دتمبه تبت مينيت دان سمبھيغ فرض جمعة دسورود نكارا بروني دارالسلام  
دمولاعي دري فوكور 12.45 نغھ هاري



DALAM KENANGAN ... Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien adalah seorang penggemar dalam pesta lumba perahu.

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor  
Foto : Jabatan Penerangan



**S**UNGAI Brunei akan berkocak lagi esok, 2 Mac, dengan sukan kegemilangan rakyat yang dikenali Regata Brunei Darussalam (RBD) 2014 menyaksikan berleganya pasukan-pasukan dan perseorangan dari Kementerian-kementerian, daerah-daerah, mukim dan kampung negara ini serta penyertaan negara-negara jiran dan kepulauan Borneo, Malaysia, Australia, Amerika Syarikat dan Nanjing Republik Rakyat China.

Dalam sejarah Brunei menyebutkan berkayuh adalah menjadi kebiasaan masyarakat Brunei yang sentiasa berdamping dengan perahu, yang mana berkayuh ini dilakukan dengan pantas untuk mengejar masa dan menuntut pekayuhnya berkayuh dengan cepat, beriring-iringan dan belaju-lajuan, maka timbullah istilah *lumba berkayuh* secara tidak langsung menimbulkan idea untuk mengadakan pesta lumba berkayuh (lumba perahu) secara terancang yang bermula pada awal tahun 1930-an diadakan di Sungai Brunei.

Bila menyebut lumba perahu ini, kita sentiasa mengingati Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,

merupakan seorang penggemar dalam pesta lumba perahu. Semasa hayat, Al-Marhum berkenan menyertai lumba perahu bagi mewakili Pasukan Orang-Orang Disampiri Gelaran bagi acara 15 Orang Pekayuh. Dalam perlumbaan tersebut, baginda menjadi 'Pencaruk' manakala Pengemudinya ialah Pengiran Haji Manggong atau Pengiran Haji Apong. Nama-nama indah dan unik perahu baginda ialah Pengiran Muda, Surambit dan Alap-Alap, dan pasukan baginda sering menyandang juara perlumbaan.

Lumba perahu ketika itu disertai dari pasukan negeri jiran berhampiran seperti Lawas, Punang, Sundar, Awat-Awat, Trusan dan Limbang.

#### GEMILANG

Bagi mengembalikan semula nostalgia dan kegemilangan lumba perahu, yang dikenali Regata Brunei Darussalam, (RBD) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menghidupkan semula acara keraian rakyat ini bermula pada tahun 2012 hingga sekarang.

RBD ini lebih bermakna lagi

# Sukan warisan negara Regata semakin popular



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bercemar duli ke acara RBD 2013 bagi mengembalikan semula nostalgia dan kegemilangan lumba perahu.

mencatatkan ristaan apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bercemar duli ke acara RBD 2012 bagi mengembalikan semula nostalgia dan kegemilangan lumba perahu dan yang penting sekali dapat mengukuhkan lagi hubungan raja dengan rakyat yang sekian lama akrab. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama anakanda-anakanda dan adinda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda



SUASANA dahulu penuh keceriaan dalam acara Lumba Perahu di Perairan Sungai Brunei.

Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik

seperti mana lumba perahu ini menjadi kegemaran Al-Marhum ayahanda baginda akan menambahkan semangat orang ramai lebih-lebih lagi para pekayuh yang menyertai perlumbaan ini, di samping menambahkan kemeriahan BSB.

Regata ini perlu dipertingkatkan dan diberi pendedahan serta diserapkan kepada golongan muda supaya mereka tahu dan tidak ketinggalan mengikuti perlumbaan ini. Ramai yang memberi pandangan agar RBD ini dikedahkan dan didedahkan ke peringkat antarabangsa pada masa akan datang.

Dengan adanya acara seperti ini secara langsung mengembalikan keceriaan dan memeriahkan lagi kawasan BSB bukan saja sebagai Pusat Bandar yang berprestij sedikit sebanyak dapat mempromosikan negara umumnya dan Bandar Seri Begawan khususnya di kalangan penduduk tempatan mahupun para pelancong terhadap pusat bandar.

Sama-samalah kita sentiasa memelihara dan memperkembangkan BSB sebagai sebuah bandar yang menjadi lambang keunggulan Negara Brunei Darussalam yang berprinsipkan Melayu Islam Beraja yang sentiasa indah, bersih dan menawan. Marilah kita sanma-sama memeriahkan RBD 2014.



ACARA Lumba perahu penuh nostalgia mendapat sambutan dari penduduk-penduduk Kampung Ayer khasnya.



# Penyertaan antarabangsa meningkat

Oleh : Norliah Md. Zain  
Foto : Jabatan Penerangan

LUMBA perahu atau regata walaupun ia adalah bertahap sukan tradisi di negara ini namun ia telah berjaya menembusi minat masyarakat antarabangsa. Buktinya pada Regata Brunei Darussalam (RBD) 2014 ini nanti akan turut melibatkan peserta-peserta dari luar negara dan para diplomat di negara ini. Sehingga kini, lebih 500 orang peserta luar negara yang akan terlibat dalam kejohanan tersebut.

Dengan adanya penyertaan dari luar negara ini menunjukkan minat mereka untuk sama-sama memeriahkan kejohanan tersebut yang tentunya telah merealisasikan harapan penganjur saban tahun untuk menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai pusat tarikan pelancong di Negara Brunei Darussalam.

Kejohanan yang bakal memeriahkan lagi suasana Bandar Seri Begawan tentunya adalah peluang untuk mengenalkan Negara Brunei Darussalam ke mata dunia yang seterusnya akan memajukan lagi industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam dengan berkonsepkan 'Kenali Negara Kitani' (KNK).

Penyertaan pelumba dari luar negara ini menunjukkan bahawa regata ini berpotensi untuk dikembangmajukan lagi bukan sahaja dalam aspek kesukanan bahkan juga dalam aspek pelancongan. Malah negara kita juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim dengan negara-negara yang menyertai kejohanan itu. Pengalaman peserta luar negeri tahun lalu dalam menyertai sukan gemilang ini tentunya menjadi kenangan mereka sepanjang hayat dan ini akan memberikan imej baik kepada negara.

Pelancong-pelancong ini juga tidak akan pulang ke negara mereka

dengan tangan kosong kerana bersempena RBD 2014 ini, satu Pameran dan Gerai Jualan Satu Kampung Satu Produk turut diadakan. Inilah peluang para pelancong untuk mendapatkan barangan buatan tempatan yang eksklusif dijadikan kenangan dan buah tangan untuk dibawa pulang.

Inilah dia hasil usaha pihak kerajaan saban tahun dalam mengembalikan semula kegemilangan sukan tersebut. Kemeriahkan kejohanan setentunya akan menambah kesefahaman serta kesepaduan kita semua dalam bernegara dan berkerajaan dan akan memberi imej yang baik kepada negara.

Sukan lumba perahu merupakan sukan kegemaran Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien suatu ketika dulu. Dengan adanya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu nanti setentunya menambah semangat dan kemeriahkan BSB terutama para pekayuh.

Penyertaan raja yang kita kasihi ini juga menunjukkan minat baginda terhadap sukan lumba perahu yang mendalam dan kita hendaklah mengekalkan sukan tradisi ini agar ia tidak tenggelam dan terus berprestij.

Para peserta setentunya telah pun bersiap sedia dengan segala latihan bagi bertarung dalam kejohanan yang bakal berlangsung esok. Marilah kita sama-sama meramaikan Bandar Seri Begawan bagi menyaksikan perwira-perwira negara berkayuh meraih kemenangan.



SEBAHAGIAN dari penduduk Kampung Ayer tidak melepaskan peluang menyaksikan acara regata.

**KEJOHANAN yang bakal memeriahkan lagi suasana Bandar Seri Begawan setentunya adalah peluang untuk mengenalkan Negara Brunei Darussalam ke mata dunia yang seterusnya akan memajukan lagi industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam dengan berkonsepkan 'Kenali Negara Kitani' (KNK).**



PELANCONG tidak melepaskan peluang merakamkan suasana regata.



REGATA menyerikan suasana Bandar Seri Begawan, sementara gambar kecil, penyertaan antarabangsa dalam regata menjadikan sukan ini amat berprestij.

# ANUGERAH KAMPUNG CEMERLANG

## Penyertaan MPK semakin meningkat

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim,  
Norrasidah Jumat, Nur Hafizah Kamran  
Foto : Masri Osman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,  
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Dari muka 1

Sejurus keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Dewan Plenari, Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dikumandangkan.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi AKC Peringkat Kebangsaan Ke-3.

Pada majlis itu, Kebawah DYMM juga berkenan mengurniakan titah dan menyempurnakan pengurniaan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang AKC Ke-3.

Majlis juga diserikan dengan lagu-lagu AKC 'Kampungku Cemerlang' dan 'Memperkasakan Daya Wujud Bangsa' dipersembahkan oleh para penuntut daripada Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Sebanyak 23 buah kampung terpilih ke Peringkat Kebangsaan pada AKC kali ini melalui kriteria penghakiman dari segi Aspek Keagamaan, Kebajikan, Kemasyarakatan, Sukan, Kebudayaan dan Keselamatan; Aspek Pengurusan dan Pentadbiran; Aspek Perekonomian (Projek Perekonomian Majlis Perundingan Kampung - MPK); Aspek Pendidikan dan Aspek Keceriaan, Keindahan dan Kebersihan.

Baginda dan kerabat diraja pada majlis itu juga dijunjung menyaksikan Pameran Khas AKC Ke-3.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda berkenan menandatangani Lembaran Kenangan keberangkatan di Pameran Petak Pertama dan kemudiannya berkenan menyertai sesi bergambar ramai.

AKC MPK merupakan salah satu usaha berterusan KHEDN dalam membantu Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) untuk membangun dan mengembangkan ekonomi masyarakat seterusnya meraih kejayaan dan melonjakkan kecermerlangan serta meningkatkan lagi keberkesanan kepemimpinan para penghulu dan ketua kampung di Negara Brunei Darussalam.

Pengerusi MMPK berperanan penting sebagai tonggak dan pemikir dalam meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mukim dan kampung mereka.

Melalui AKC MPK ini, setiap mukim dan kampung diharapkan dapat menggiatkan usaha untuk memajukan mukim dan kampung masing-masing, bukan sahaja untuk menyertai pertandingan malah untuk masyarakat mukim dan kampung itu sendiri.

Selain itu, AKC bertujuan untuk merangsang ahli-ahli meningkatkan keberkesanan MMPK sebagai wadah kepimpinan akar umbi.

## Kesepakatan bawa kejayaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Februari. - Kerepek Pisang merupakan antara produk yang dihasilkan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kapok, Mukim Serasa, pemenang Anugerah Perak Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Peringkat Kebangsaan Ke-3, 2014.

Ketua Kampung Kapok, Awang Haji Marali bin Haji Ahmad yang sempat ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI antara lain menjelaskan, Produk Perusahaan Pembuatan Kerepek Pisang tersebut dikendalikan oleh Biro Ekonomi dan Biro Wanita serta belia dan beliawanis Kampung Kapok.

Menurutnya, usaha yang mendapat sambutan menggalakkan lebih dari 90 ahli itu menampakkkan kesepakatan daripada masyarakat kampung dengan hasrat ingin membawa perubahan sikap untuk maju dan proaktif di dalam reka cipta produk kampung agar lebih menyerlah lagi di masa mendatang.

Menurutnya, Kerepek Pisang tersebut mempunyai pelbagai jenis dan perisa, antaranya perisa Durian, Milo dan lain-lain lagi.

Di samping itu katanya, penanaman pokok pisang sekitar Bukit Tempayan Pisang telah menjadi aset utama di Kampung Kapok dalam menghasilkan produk Kerepek Pisang tersebut.

Selain itu tambahnya, MPK Kapok juga aktif dalam kesenian dan kebudayaan misalnya sering mengadakan persembahan muzik tradisional iaitu gulintangan bagi menyambut kedatangan tetamu dari luar negara.

Kampung Kapok mempunyai penduduk seramai 4,470 orang terdiri daripada 2,267 lelaki dan 2,203 perempuan.

Sementara Pemenang Anugerah Gangsa MPK Kiudang/Mungkom, Mukim Kiudang, Daerah Tutong pula mengusahakan 'Produk Teh Herba 3MPK' melibatkan ahli-ahli MPK.

Setiausaha MPK Kiudang/Mungkom, Awang Haji Saifulbahri bin Haji Umarali menjelaskan, Taman Rekreasi Wasai Bedanu adalah kawasan yang menjadi habitat tumbuhan herba 'Sambah Bagangan' yang mana daun pohon herba berkenaan dijadikan sebagai produk 1KIP 'Produk Teh Herba 3MPK'.

Tambahnya, 'Sambah Bagangan' ditanam melalui projek penanaman semula tumbuhan berkenaan secara tersusun.

Kampung Kiudang/Mungkom mempunyai 1,271 orang penduduk berbilang bangsa dan kaum diketuai oleh Awang Haji Mohamad Saiful bin Abdullah Anja yang telah menajawat jawatan sebagai Ketua Kampung sejak tahun 1997.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzuddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menyaksikan menyaksikan Pameran Khas AKC Ke-3. Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkhiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

## AKC beri kesan positif sosioekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Februari. - Skim Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) telah memberikan kesan yang positif kepada penduduk kampung bagi kemajuan sosioekonomi mereka, selain sebagai tanda kepimpinan berkesan dan berwibawa di peringkat akar umbi.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi AKC Peringkat Kebangsaan Ke-3 menyatakan perkara itu dalam sembah alu-aluan pada Majlis AKC Peringkat Kebangsaan Ke-3, berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Yang Berhormat menyebarkan, skim tersebut



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa menyampaikan sembah alu-aluan pada Majlis AKC Peringkat Kebangsaan Ke-3.

berpaksakan kerjasama berkumpulan, integrasi masyarakat, tidak terhad setakat menghasilkan produk-produk barangan dan perkhidmatan malah meliputi bidang pengurusan, kegiatan keagamaan, kebajikan, pendidikan, kesenian dan kebudayaan, sukan dan kegiatan-kegiatan sosial kemasyarakatan lainnya.

Terdahulu Yang Berhormat menyebarkan, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzuddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis tersebut tentunya akan menjadi ristaan baik dan Skim AKC itu terus-menerus mendapat perhatian dan dorongan daripada baginda.

Yang Berhormat juga menjelaskan mengenai Skim AKC Ke-3 yang menerima penyertaan sebanyak 104 Majlis Perundingan Kampung (MPK) di seluruh daerah dan 23 daripadanya telah berjaya dinilai layak ke Peringkat Kebangsaan dan pada majlis tersebut akan mengetahui tahap pencapaian masing-masing menurut anugerah yang akan mereka terima.

Sementara itu, jumlah penyertaan menurut Yang Berhormat, telah menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding pertandingan kali pertama pada tahun 2010 yang menerima sebanyak 31 MPK dan kali kedua pada tahun 2012 sebanyak 58 MPK.

Yang Berhormat menambah, bagaimanapun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN),



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.




KEBAWAH DYMM ketika berkenan menandatangani Lembaran Kenangan keberangkatan pada Pameran Khas AKC Ke-3.

menyadari bahawa penyertaan sebanyak 104 buah MPK itu baru merupakan 60.8 peratus daripada jumlah bilangan Majlis-Majlis Perundingan Kampung (MMPK) seluruh negeri sebanyak 171 majlis.

Dengan itu kata Yang Berhormat, masih banyak lagi MMPK yang belum menyertai skim berkenaan.

ujar Yang Berhormat, akan berusaha lebih gigih lagi supaya lebih banyak penyertaan pada masa-masa akan datang. Di samping itu Yang Berhormat berharap Skim AKC akan dapat menyuntik semangat penyertaan yang lebih ramai lagi di masa-masa akan datang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzuddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menyertai sesi bergambar ramai pada Majlis Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Peringkat Kebangsaan Ke-3. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkhiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, DYTM Paduka Seri Pengiran Digaong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkhiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzuddin Waddaulah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzuddin Waddaulah.

## Produk 23 MPK dipamerkan



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Februari. - Pameran Khas Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Peringkat Kebangsaan Ke-3 antaranya menentang produk-produk tempatan berkualiti yang diusahakan oleh kampung-kampung yang terpilih bertanding dalam AKC kali ini.

Pameran di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas itu disertai 23 buah kampung terpilih dalam AKC tahun ini yang dihakimi dari segi Aspek Keagamaan, Kebajikan, Kemasyarakatan, Sukan, Kebudayaan dan Keselamatan; Aspek Pengurusan dan Pentadbiran; Aspek Perekonomian (Projek Perekonomian Majlis Perundingan Kampung - MPK); Aspek Pendidikan; dan Aspek Keceriaan, Keindahan dan Kebersihan.

Kampung-kampung yang terpilih



KEBAWAH DYMM disembahkan penerangan ketika berkenan menyaksikan Pameran Khas AKC Ke-3 (atas), sementara gambar atas kiri, baginda berkenan menyaksikan produk penghasilan Majlis Perundingan Kampung (MPK) bersempena Pameran Khas AKC Ke-3.

itu terdiri daripada 10 dari Daerah Brunei dan Muara, lima dari Daerah Belait, empat dari Daerah Tutong dan empat lagi Daerah Temburong.

Juga dipamerkan ialah latar belakang Projek AKC Ke-3 Majlis-Majlis Perundingan Kampung (MMPK) Negara Brunei Darussalam.

Pameran tersebut dibahagikan kepada tujuh kategori iaitu Maklumat AKC Ke-3, Projek Aktiviti MPK, Sektor Kraf Tangan, Sektor Pemakanan, Sektor Perkhidmatan, Sektor Pertanian/Ternakan, Sektor Pembuatan dan juga pencapaian

produk yang menonjol serta kegiatan dan aktiviti MPK.

Pameran tersebut dibukakan kepada orang ramai selama dua hari bermula 27 Februari 2014, pukul 2.00 petang hingga 9.00 malam dan hari Jumaat, 28 Februari 2014 bermula dari pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari pukul 2.30 petang hingga 5.00 petang.

Orang ramai dialu-alukan mengunjungi pameran tersebut untuk melihat dan membeli produk-produk yang dihasilkan oleh MMPK mewakili keempat-empat daerah dari seluruh negara.

BAGINDA disembahkan penerangan daripada salah seorang peserta ketika berkenan menyaksikan Pameran Khas AKC Ke-3 (kiri).



**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada kontraktor yang berdaftar di dalam Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas I, II, III, IV, V & VI, Sijil Pendaftaran Section 16 & 17 dan memiliki Kategori Elektrikal (E).

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Tajuk Tawaran 1 :  
"Repair Works For Units of Barrack Block E Simpang 51, Jalan Kustini"  
Bilangan Tawaran : AME/2014-2015/-04

Tajuk Tawaran 2 :  
"Repair Works For Air Traffic Control Toilets"

Bilangan Tawaran : AME/2014-2015/-05

Tajuk Tawaran 3 :  
"Repair Works For Police Post Toilets"

Bilangan Tawaran : AME/2014-2015/-06

Tajuk Tawaran 4 :  
"Renovation Works For Airfield Maintenance Engineering (Pengurusan dan Kejuruteraan Pemeliharaan Aset) Office"  
Bilangan Tawaran : AME/2014-2015/-07

Tajuk Tawaran 5 :  
"Repair Works For Cargo Building Toilets"  
Bilangan Tawaran : AME/2014-2015/-08

Tarikh iklan / mengambil dokumen tawaran : Bermula 19 Mac 2013 selama 3 minggu hari Isnin.  
Tarikh terakhir mengambil dokumen

tawaran : Tidak lewat pukul 2.00 petang, 4 Mac 2014 hari Selasa.

Tarikh tutup tawaran pada : Hingga pukul 2.00 petang, 5 Mac 2014 hari Rabu.

Kepada:

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, d/a Bangunan Terminal Tingkat 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Jabatan Penerbangan Awam BB2513 Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan tidak lewat pukul 2.00 petang, pada hari Rabu, 5 Mac 2014. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Iklan tawaran boleh dilihat melalui lama website <http://www.civil-aviation.gov.bn>

5. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperoleh dokumen-dokumen dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam, dengan membayar Yuran Dokumen sebanyak **BS10.00 (Hardcopy)** - tidak dikembalikan di Bahagian Kewangan (Ground Floor), Jabatan

Penerbangan Awam bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu berkerja seperti berikut:

**Hari Isnin hingga Khamis**

**8.00 pagi - 11.00 pagi**

**2.00 petang - 3.30 petang**

**Hari Sabtu : 8.00 pagi - 10.00 pagi**

6. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

8. Sesi taklimat tawaran (briefing) atau/dan lawatan tapak (site visit) bagi tawaran akan diadakan seperti berikut:

Pada: 26 Februari 2014 (Hari Rabu)  
Jam: 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.45 petang hingga 3.30 petang.

Tempat Berkumpul: Dewan Serbaguna, Bangunan Kejuruteraan dan Pemeliharaan, Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam.



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

TAWARAN NO.1:  
JPPK/LTK/04/2014  
PROPOSED NAVAL TRAINING SCHOOL AT ROYAL BRUNEI NAVAL BASE, MUARA  
TENDER FEE: \$1,000.00 (tidak dikembalikan)  
Kelas : KELAS V DAN KE ATAS SAHAJA  
Kategori: B01 DAN KA01  
Tempoh Penyiapan: EMPAT BELAS (14) BULAN

Syarat-Syarat Tawaran :  
Sukacita memaklumkan perubahan tarikh tutup bagi tawaran di atas dipanjangkan dari hari Selasa 4 Mac 2014 kepada

25 Mac 2014 hari Selasa tidak lewat jam 2.00 petang. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baru Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkliah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran juga dipanjangkan dari 28 Februari 2014 kepada 21 Mac 2014, hari Jumaat jam 4.00 petang. Dokumen - dokumen tawaran boleh diperolehi dari Unit Kaunter Perkhidmatan Pelanggan (Blok D), Jabatanarah Kewangan dan Perolehan Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

Bayaran tawaran, 'Tender fee' hendaklah

dibayar di Unit Kaunter Bahagian Kewangan Blok C, Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran:-

Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 3.00 petang

Jumaat :

8.00 - 10.30 pagi

2.00 - 3.00 petang

Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide-tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang

telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender) dan tidak akan dilayan.

Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini.

Iklan-iklan tawaran boleh dilihat melalui laman web: <http://www.mindef.gov.bn>.



**JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

TAWARAN BAGI MEMBERSIH DAN MEMELIHARA BANGUNAN DAN KAWASAN IBU PEJABAT JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN

BILANGAN TAWARAN : 03/IMMB/02/2014

TAWARAN BAGI MEMBERSIH DAN MEMELIHARA BANGUNAN DAN KAWASAN KOMPLEKS PEMERIKSAAN DAN KAWALAN UJUNG JALAN TEMBURONG

BILANGAN TAWARAN : 04/IMMB/02/2014

TAWARAN BAGI MEMBERSIH DAN MEMELIHARA BANGUNAN DAN KAWASAN KOMPLEKS PEMERIKSAAN DAN KAWALAN UJUNG JALAN TEMBURONG

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat yang tersebut di bawah tidak lewat pada 4 Mac 2014, hari Selasa, jam 2.00 petang.

PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL  
BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
TINGKAT 1, JALAN JAMES PEARCE BANDAR SERI BEGAWAN BS8610  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

Tawaran hendaklah di hantar dalam dua (2) salinan berserta dengan borang pengakuan, salinan Pendaftaran Perniagaan (Business Registration).

Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) tanpa menunjukkan identiti penender dengan menulis di luar sampul surat berkenaan seperti berikut :-

BILANGAN TAWARAN :  
03/IMMB/02/2014

BILANGAN TAWARAN :  
TAWARAN BAGI MEMBERSIH DAN MEMELIHARA BANGUNAN DAN KAWASAN IBU PEJABAT JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN03/IMMB/02/2014  
TARIKH TUTUP : 4 MAC 2014

BILANGAN TAWARAN :  
04/IMMB/02/2014

TAWARAN BAGI MEMBERSIH DAN MEMELIHARA BANGUNAN DAN KAWASAN KOMPLEKS PEMERIKSAAN DAN KAWALAN UJUNG JALAN TEMBURONG  
TARIKH TUTUP : 4 MAC 2014

PENENDER hendaklah menyatakan sebut harga bagi kerja-kerja pembersihan dan pemeliharaan termasuk peralatan dan 'detergent' yang digunakan. PENENDER hendaklah juga menyenaraikan kerja-kerja pembersihan dan pemeliharaan secara harian atau berkala dalam masa seminggu, sebulan dan sebagainya.

Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membayar Yuran Tawaran sebanyak **\$10.00 (tidak akan dikembalikan)**. Dokumen dan pembayaran wang cagaran boleh didapati dan dibuat di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 3, Ibu Pejabat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar pada bila-bila waktu pejabat dibuka.

Tawaran ini adalah bagi tempoh dua (2) tahun bermula dari tarikh kontrak perjanjian dipersetujui dan ditandatangani.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS IV ATAU V & VI DAN KATEGORI B01 ATAU KA01 SAHAJA  
BIL : KHEU/BDP/LTK/002/2014  
U.S.A.I. - MASJID KAMPUNG JUNJUNGAN,  
BRUNEI MUARA - Menaik taraf bahan Bangunan  
TARIKH BUKA TAWARAN:  
19 DAN 26 MAC 2014  
TARIKH DAN JAM TUTUP MENGIKUTI DOKUMEN TAWARAN :  
1 APRIL 2014 (3.00 PETANG)  
TARIKH TUTUP : 8 APRIL 2014 Hingga jam 2.00 petang

JUMLAH YURAN TAWARAN :  
BND500.00  
**MAINTENANCE OF STREET**  
**LIGHTING LUMINAIRES AT RPN**  
**MERAGANG, STKRJ TANAH JAMBU**  
**AND BUKIT SEBANGING FOR PERIOD**  
**OF 2 YEARS**

**Tarikh Tutup : 18 MAC 2014,**  
**(Hari Selasa) Jam 2.00 Petang**  
**Yuran Tawaran : BND10.00**  
**(tidak dikembalikan)**

**Bil. Tawaran :**  
**JPE / LTK / BPP/ 004 / 2014**

**Tajuk Sebut Harga :**  
**MAINTENANCE OF 400W STREET**

**LIGHTING LUMINAIRES ZONE A AT**  
**MUARA AREA FOR A PERIOD OF 2**  
**YEARS**

**Tarikh Tutup : 18 MAC 2014,**  
**(Hari Selasa) Jam 2.00 Petang**  
**Yuran Tawaran : BND50.00**  
**(tidak dikembalikan)**

**Bil. Tawaran :**  
**JPE / LTK / BPP/ 005 / 2014**  
**Tajuk Sebut Harga :**  
**MAINTENANCE OF 400W STREET**  
**LIGHTING LUMINAIRES ZONE B AT**  
**MUARA AREA FOR A PERIOD OF 2**  
**YEARS**

**Tarikh Tutup : 18 MAC 2014,**  
**(Hari Selasa) Jam 2.00 Petang**

**Yuran Tawaran : BND50.00**  
**(tidak dikembalikan)**

**Bil. Tawaran :**  
**JPE / LTK / BPP/ 006 / 2014**  
**Tajuk Sebut Harga :**  
**MAINTENANCE OF STREET AND**  
**COMPOUND LIGHTS AT MUKIM**  
**MENTIRI AND MUKIM SERASA,**  
**MUARA FOR PERIOD PF 2 YEARS**  
**Tarikh Tutup : 18 MAC 2014,**  
**(Hari Selasa) Jam 2.00 Petang**  
**Yuran Tawaran : BND50.00**  
**(tidak dikembalikan)**

**Tempat Tutup :**  
**'TENDER BOX'**  
**PENGERUSI LEMBAGA**  
**TAWARAN KECIL**  
**JABATAN PERDANA**  
**MENTERI, NEGARA BRUNEI**  
**DARUSSALAM**

**KELAYAKAN:**

**Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan bagi kategori E01 ATAU E02 dalam kelas II DAN Ke atas SAHAJA, mempunyai pekerja mahir yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik serta mempunyai peralatan/kemudahan bagi mengendalikan kerja tersebut.**

**Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit Pendaftaran Tingkat 1, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.**

**PERHATIAN:**

**Sila sertakan salinan "BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17 dan sijil pendaftaran pemborong (MOD) semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.**



# REGATA 2014

## BRUNEI DARUSSALAM



**Ahad, 30 Rabiulakhir 1435 bersamaan 02 Mac 2014**

**Bertempat di Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan**



Diterbitkan oleh Jawatankuasa Kerja Publisiti dan Promosi Regata Brunei Darussalam 2014



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBO-  
RONG YANG BERDAFTAR DI DALAM  
KELAS III (II III & IV) DI BAWAH  
KATEGORI KA01 ATAU E01 ATAU M03  
SAHAJA**  
TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN :  
15 MAC 2014 (SABTU)  
TARIKH TUTUP :  
1 APRIL 2014 (SELASA) HINGGA JAM  
2.00 PETANG  
BIL : JKR/DDS 005/2014-(SEW) T.II0  
MENGENDALI DAN MEMELIHARA  
LOJI RAWATAN KUMBAHAN GADONG  
(2014-2017)  
NOMBOR PROJEK: 13/DDS(SE)/B00410  
JUMLAH YURAN TAWARAN :  
BND25.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBO-  
RONG YANG BERDAFTAR DI DALAM  
KELAS VI DI BAWAH KATEGORI KA01  
SAHAJA**  
TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN  
TAWARAN : 26 FEBRUARI 2014  
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN :  
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.30  
PETANG, HARI SELASA, 18 MAC 2014  
TARIKH TUTUP TAWARAN :  
25 MAC 2014 (SELASA), JAM 2.00  
PETANG  
BIL : JKR/DOR/SRC03/2014  
PEMBINAAN JALAN PENGHUBUNG  
JERUDONG - TUNGKU FASA 3 -  
TERMASUK SPG 126 DAN SPG 324  
JALAN PEN GHUBUNG RIMBA UTARA  
JUMLAH YURAN TAWARAN :  
BND2,000.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBO-  
RONG YANG BERDAFTAR DI DALAM  
KELAS IV & V DI BAWAH KATEGORI  
KA01 SAHAJA**  
TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN  
TAWARAN : 26 FEBRUARI 2014  
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN :  
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.30  
PETANG, HARI SELASA, 18 MAC 2014  
TARIKH TUTUP TAWARAN :  
25 MAC 2014 (SELASA), JAM 2.00 PE-  
TANG  
BIL : JKR/DOR/SRC04/2014  
MELAPIS SEMULA JALAN-JALAN  
UTAMA DI DAERAH BELAIT - JALAN  
SERIA - TUTONG (JALAN LIANG-  
TELISAI) - FASA II  
JUMLAH YURAN TAWARAN :

BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBO-  
RONG YANG BERDAFTAR DI DALAM  
KELAS IV DI BAWAH KATEGORI KA01  
SAHAJA**  
TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN  
TAWARAN : 26 FEBRUARI 2014  
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN :  
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.30  
PETANG, HARI SELASA, 18 MAC 2014  
TARIKH TUTUP TAWARAN :  
25 MAC 2014 (SELASA),  
JAM 2.00 PETANG  
BIL : JKR/DOR/SRM05/2014  
MENAIKTARAF JAMBATAN YANG  
SEDIA ADA - FASA 2: KERJA-KERJA  
MENAIK TARAF DAN MEMBAIK  
PULIH JAMBATAN - PAKEJ 2  
JUMLAH YURAN TAWARAN :  
BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBO-  
RONG YANG BERDAFTAR DI DALAM  
KELAS IV, V & VI DI BAWAH  
KATEGORI 3 (KA01) SAHAJA**  
HINGGA JAM 2.30 PETANG, HARI  
SELASA : 11 MAC 2014  
TARIKH TUTUP: 25 MAC 2014  
(SELASA), JAM 2.00 PETANG  
BIL : JKR/DWS/005/2014  
MENGANTI DAN MENGUBAH SUAI  
LALUAN PAIP AIR UTAMA 760MM  
STEEL DARI TANGKI INDUK  
MELABAU  
JUMLAH YURAN TAWARAN :  
BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBO-  
RONG YANG BERDAFTAR DI DALAM  
KELAS III, IV & V SAHAJA DI BAWAH  
KATEGORI B01 (2,4A), KPB12 (5F), S02,  
S03 (4C) SAHAJA**  
HINGGA JAM 2.30 PETANG, HARI  
SELASA : 11 MAC 2014  
TARIKH TUTUP: 25 MAC 2014  
(SELASA), JAM 2.00 PETANG  
BIL : JKR/DWS/006/2014  
KONTRAK PENGAL BAGI  
KERJA-KERJA PEMBERSEKIHAN DAN  
PEMELIHARAAN BANGUNAN DAN  
KAWASAN BAGI LOJI RAWATAN AIR  
BUKIT BARUN, TUTONG TERMASUK  
STESEN PAM AIR MENTAH KUALA  
ABANG DAN BABANG SUNGAI  
TUTONG  
JUMLAH YURAN TAWARAN :  
BND100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBO-  
RONG YANG BERDAFTAR DI DALAM  
KELAS IV, V & VI DI BAWAH  
KATEGORI KA01 SAHAJA**  
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
11 MAC 2014 (SELASA)  
TARIKH TUTUP PADA :  
25 MAC 2014 (SELASA), HINGGA JAM  
2.00 PETANG  
BIL : JKR/DTS/05/BKT//2014-T/V  
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH  
CERUN DI JALAN MASUK MENUJU  
TEMPAT MELIHAT ANAK BULAN &  
MENARA AITI DST, BUKIT  
SHAHBANDAR  
NO. PROJEK:  
(316/14)JKR/BKT/KB/BM1189  
JUMLAH YURAN TAWARAN DAN  
YURAN E-DOKUMEN :  
\$500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBO-  
RONG YANG BERDAFTAR DI DALAM  
KELAS IV, V & VI DI BAWAH  
KATEGORI KA01 SAHAJA**  
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
11 MAC 2014 (SELASA)  
TARIKH TUTUP PADA :  
25 MAC 2014 (SELASA), HINGGA JAM  
2.00 PETANG  
BIL : JKR/DTS/11/BKT//2014-T/V  
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH  
CERUN PAILON ELEKTRIK DI SPG,  
715 KG JANGSAK  
NO. PROJEK:  
(316/14)JKR/BKT/KB/BM1189  
JUMLAH YURAN TAWARAN DAN  
YURAN E-DOKUMEN :  
\$30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBO-  
RONG YANG BERDAFTAR DI DALAM  
KELAS IV, V & VI DI BAWAH  
KATEGORI KA01 SAHAJA**  
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
11 MAC 2014 (SELASA)  
TARIKH TUTUP PADA :  
25 MAC 2014 (SELASA), HINGGA JAM  
2.00 PETANG  
BIL : JKR/DTS/09/BKT//2014-T/V  
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH  
CERUN TANGKI AIR DI BELAKANG  
RUMAH NO.46, JALAN 11 SPG 42  
LAMBK KANAN  
NO. PROJEK:  
(363/14)JKR/BKT/KB/BM1189  
JUMLAH YURAN TAWARAN DAN  
YURAN E-DOKUMEN :  
\$50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBO-  
RONG YANG BERDAFTAR DI DALAM  
KELAS IV & V DI BAWAH KATEGORI  
B01 DAN KA01 SAHAJA**  
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
11 MAC 2014 (SELASA)  
TARIKH TUTUP PADA :  
25 MAC 2014 (SELASA), JAM 2.00  
PETANG  
BIL : JKR/DBSBM004/2014  
MEMBINA BANGUNAN PERUMAHAN  
KERAJAAN TUTONG  
NO. PROJEK: JKR/DBSBM1014/0400  
YURAN TAWARAN : \$250.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

**Syarat-Syarat Tawaran :**  
TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasuk-  
kan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran  
Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembang-  
nungan, Berakas BB3510, Negara Brunei  
Darussalam (kecuali) lain daripada alamat  
yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen  
tawaran.  
Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada  
tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak  
akan dilayan.  
Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam  
sampul surat yang rapi (sealed) dengan men-  
nyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa  
menyatakan nama penawar dan di hantar ke-  
pada alamat yang dinyatakan dalam dokumen  
tawaran.  
Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat  
dan diperolehi dari Unit Pembahagian Do-  
kumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan  
Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan  
Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei  
Darussalam. Dokumen tawaran yang dike-  
luarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait  
(bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf  
"JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan di-  
perolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja  
Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darus-  
salam.  
Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada  
mana juga kontraktor sama ada berjaya atau  
tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan di-  
batalkan.  
Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluar-  
kan, setiap pemborong dikehendaki membawa  
sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang  
menunjukkan bahawa pemborong adalah yang  
berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam  
kelas yang ditetapkan dan dikehendaki mem-  
bayar yuran tawaran.  
Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan  
menggunakan borang-borang tawaran yang tel-  
ah disediakan.  
Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertu-  
an Negara Brunei Darussalam tidak akan  
semestinya menerima tawaran-tawaran yang  
terendah atau lain-lain tawaran.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KENYATAAN TAWARAN  
BILANGAN TAWARAN:  
05/FEB/2014/KKBS/PJK/16.105  
TAJUK TAWARAN: KONTRAK  
PENGAL 24 (DUA PULUH EMPAT)  
BULAN MEMBEKAL PAKAIAN BAGI  
MAJLIS KEUGAMAAN PROGRAM  
KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN).**

1. TAWARAN dibukakan kepada syarikat-  
syarikat tempatan yang berdaftar di Negara  
Brunei Darussalam.  
2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh  
kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak  
akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

3. Dokumen tawaran boleh diperolehi dari  
Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kement-  
erian Kebudayaan, Belia dan Sukan,  
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara  
Brunei Darussalam semasa hari/waktu  
bekerja.

4. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada  
pegawai penyelia kerja dari Unit Pengurusan  
Estet, Tingkat Bawah Tanah (Basement  
Level), Kementerian Kebudayaan, Belia dan  
Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan,  
Negara Brunei Darussalam.

5. Yuran Tawaran adalah \$50.00 sahaja bagi  
setiap tawaran dan tidak akan dikembalikan  
kepada setiap pemborong sama ada yang  
berjaya atau yang tidak berjaya setelah meng-  
hantar tawaran yang sah ('bona-fide tender').

6. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam  
sampul surat yang rapi ('sealed') dengan me-

nyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta  
tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama  
pender/syarikat dengan dialamatkan kepada  
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan  
Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan,  
BS8110, Negara Brunei Darussalam.

7. Tawaran yang lengkap hendaklah  
dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang  
disediakan di:

**Tingkat 1, Ruang Masuk/Penyambut  
Tetamu (depan kaunter sekuriti)  
Bangunan Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan,  
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan,  
BS8110,  
Negara Brunei Darussalam.  
Tidak lewat 4 Mac 2014 jam 2.00 petang  
hari Selasa.**

8. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh  
dan masa yang telah ditetapkan tidak akan  
dilayan.

9. Tarikh terakhir mengambil dokumen  
tawaran adalah pada hari **Sabtu, 1 Mac 2014  
jam 11.00 pagi.**

10. Tawaran-tawaran mestilah dihantar  
dengan menggunakan borang-borang tawaran  
yang telah disediakan. Tawaran yang mem-  
punyai pengecualian tidak akan dilayan.

11. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan,  
setiap syarikat dikehendaki membawa dan  
menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Per-  
niagaan (Business Enactment Section 16 & 17)  
dan dikehendaki membayar yuran tawaran  
dengan kadar yang telah ditetapkan.

12. Setiap borang tawaran yang telah diisikan  
dengan lengkap hendaklah menyertakan salin-  
an sijil pendaftaran (seperti kenyataan para  
11) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran  
(seperti kenyataan para 5).

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha  
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang  
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak  
akan semestinya menerima tawaran-tawaran  
yang rendah atau lain-lain tawaran.

14. Syarikat yang menolak atau memba-  
talkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran  
tawaran diperolehi akan dikenakan denda se-  
laras mengikut peraturan dan garis panduan yang  
diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara,  
rujukan LTN/4(39/1997).



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JEMPUTAN UNTUK  
MEMBERI SEBUT HARGA  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**

Bil. Tawaran :  
JPE / LTK / KOP/ 075 / 2013

Tajuk Sebut Harga :  
ENABS SOFTWARE & SUPPORT MAINTENANCE  
AGREEMENT FOR THE PERIOD OF TWO (2)YEARS  
Tarikh Tutup : 4 MAC 2014,  
(Hari Selasa) Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran : B\$ 50.00  
(tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :  
'TENDER BOX'  
PENERUSI LEMBAGA  
TAWARAN KECIL  
JABATAN PERDANA  
MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAYAKAN:

Pemborong yang mempunyai / sijil Pendaftan Perniagaan  
Negara Brunei Darussalam Bab 16 & 17 atau Sijil Pengakuan  
Penubuhan Syarikat Persendirian Negara Brunei Darussalam  
dibawah akta Syarikat-syarikat Penggal 39 yang berkaitan  
dengan kerja-kerja yang dimaksudkan diatas.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit  
Pendaftaran, Bahagian Perdagangan, Tingkat I, Jabatan  
Perkhidmata Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara  
Brunei Darussalam.

**PERHATIAN:**

Sila sertakan salinan "BUSINESS NAMES ENACT-  
MENT, 1958 - SECTION 16 & 17 dan sijil pendaftaran  
pemborong (MOD) semasa menghantar dokumen ini ke  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

# Latihan giat dilaksanakan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Februari. - Sungai Brunei di ibu negara akan menjadi tumpuan ramai pada hujung minggu ini apabila berlangsungnya pesta air Lumba Perahu Regata Brunei Darussalam 2014 (RBD 2014).

Bagi pasukan yang akan bertanding setentunya akan mempersiapkan diri dengan mengadakan latihan dan ujian kecergasan.

Justeru, sebelum menempuh waktu perlumbaan, beberapa buah pasukan tidak melepaskan peluang bagi memantapkan pasukan mereka dengan melakukan latihan.

Antara yang melakukan latihan tersebut dengan merentasi perjalanan yang akan dilalui di hari perlumbaan itu nanti ialah pasukan orang-orang yang disampiri gelaran yang antaranya disertai oleh beberapa menteri kabinet.

Manakala beberapa buah pasukan lain antaranya, pasukan perwakilan-perwakilan asing di negara ini dan beberapa buah pasukan kementerian-kementerian juga turut melakukan latihan.



**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan, Menteri Kesihatan, Menteri Pembangunan dan Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri semasa sesi latihan yang diadakan di Sungai Brunei.

## Patuhi peraturan RBD 2014

Oleh : Abdullah Asgar  
Foto : Ihsan Media Permata

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Februari. - Para peserta Regata Brunei Darussalam 2014 (RBD 2014) diingatkan supaya mematuhi semua peraturan dan syarat-syarat perlumbaan ketika berlangsung regata itu nanti.

Hal ini perlu kerana mengelakkan perkara-perkara yang berbangkit ketika acara itu berlangsung, jika semua peraturan dan syarat dipatuhi sudah pasti perlumbaan tersebut akan berjalan lancar dari tahun lalu.

Perkara ini antara lain diingatkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Majid bin Mangarsah, selaku Timbalan

Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi RBD 2014 semasa hadir dalam Mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan RBD di Bilik Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Katanya, pihak penganjur sangat-sangat mengharapkan segala sokongan yang diberikan oleh semua pasukan termasuk para pengayuh yang bakal menyertai regata tahun ini.

Tahun ini tambahnya, kebanyakan pasukan yang mengambil bahagian adalah hampir sama dengan penyertaan tahun lalu tetapi terdapat beberapa pasukan yang baru menyertai dari daerah negara jiran terdekat (Sarawak).

Antara lain, agenda perjumpaan mesyuarat ialah menjelaskan dengan lebih mendalam mengenai peraturan dan syarat perlumbaan yang disampaikan oleh wakil dari Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan Brunei

Darussalam.

Tahun ini pihak penganjur telah menerima rasmi 45 buah pasukan bakal bertarung bagi menentukan pasukan mana bakal bergelar juara dan merebut piala rebutan khas bagi acara kemuncak maraton 3,000 meter.

Hanya dua penyertaan diterima iaitu sebuah pasukan dari Nanjing, China dan masing-masing Malaysia 'A' dan 'B' juga menyertai acara jemputan luar negara ialah dua pasukan dari Brunei Darussalam pasukan 'A' dan 'B'.

Pihak penganjur menerima penyertaan dari Lawas dan Kuala Lawas di mana lima pasukan telah mengesahkan penyertaannya.

Regata tahun ini akan dibahagikan kepada kategori kementerian-kementerian, tempatan, luar negara, jemputan luar negara, jemputan swasta dan acara khas.

## Indeks Harga Pengguna bulan Januari 2014 menurun

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Februari. - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) melalui Jabatan Perangkaan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Januari 2014 menurun 0.9 peratus berbanding Disember 2013.

Penurunan IHP bagi bulan Januari 2014 antara lainnya disebabkan oleh penurunan harga bagi kereta, perkhidmatan pengangkutan melalui udara, peralatan audio-visual, barangan bagi haiwan peliharaan, pakej percutian dan umrah, beras dan bijirin, susu, produk tenusu dan telur dan minyak masakan yang terpilih.

Sementara itu, peningkatan telah dicatatkan bagi pelbagai barangan dan perkhidmatan disebabkan oleh harga yang tinggi bagi barangan dan beg perjalanan, dan lain-lain perkhidmatan, manakala pendidikan juga meningkat disebabkan oleh harga yang tinggi bagi yuran pendidikan bagi beberapa sekolah swasta yang terpilih.

IHP bagi Januari 2014 menurun 0.8 peratus berbanding Januari 2013, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan indeks pakaian dan kasut; perhiasan, peralatan rumah dan penyelenggaraan rutin isi rumah dan rekreasi dan kebudayaan.

IHP ini adalah petunjuk bagi mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa tertentu.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berasaskan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi bulan Januari 2014 boleh didapati melalui laman web JPKE : [www.depd.gov.bn](http://www.depd.gov.bn).

## Kawasan Perairan Sungai Brunei ditutup sementara

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Februari. - Jabatan Laut ingin memaklumkan kepada pelaut-pelaut khasnya nelayan-nelayan serta pengguna-pengguna di Sungai Brunei seperti di kawasan Perairan Sungai Brunei, Negara Brunei Darussalam berikutan penutupan di sungai tersebut selama tiga hari untuk memberi laluan kepada Acara Regata Brunei Darussalam 2014.

Penutupan tersebut bermula pada hari Jumaat, 28 Februari 2014 hingga hari Ahad, 2 Mac 2014 pada pukul 6.00 pagi sehingga acara itu selesai.

Pelaut-pelaut adalah diingatkan supaya sentiasa berjaga-jaga dan dinasihatkan untuk menjauhkan diri daripada kawasan tersebut.

# Sukan rakyat dipertahankan

Berita dan Foto :  
Hezlinawati Haji Abdul Karim

**TEMBURONG**, Isnin, 24 Februari. - Pelbagai acara diadakan oleh masyarakat di negara ini bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 pada tahun ini.

Pagi tadi Majlis Perundingan Kampung Senukoh mengadakan Hari Keluarga di kawasan Balai Raya Orang Kaya Sura Haji Tuba bin Taliff, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Ketua Kampung Senukoh, Awang Yusof bin Haji Maidin, selaku

Pengerusi majlis ketika berucap pada majlis itu antara lain menyeru agar para penduduk kampung sentiasa memelihara hubungan baik lagi mesra dan menjalin kerjasama padu serta kesepakatan yang kukuh di antara mereka.

Beliau juga menjelaskan, sambutan yang diadakan secara tahunan oleh kampung berkenaan antara lain bertujuan untuk meningkatkan lagi perpaduan dan kesefahaman serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan warga kampung dan dengan yang demikian ikatan persaudaraan dan kerjasama yang erat lagi padu akan sentiasa terpelihara serta dapat dipertahankan.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' diikuti dengan walkaton berjalan kaki sejauh dua kilometer di sekitar Kampung Senukoh.

Pelbagai aktiviti juga disusun bagi penyertaan penduduk kampung antaranya mencari benda, menarik upih berkeluarga, memancing di darat, mengulik sesaban serta peraduan memasak udang galah dan pelanduk, di samping peraduan mewarna bagi penyertaan kanak-kanak.

Selain untuk memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-30 Tahun Hari Keluarga itu juga memberi ruang untuk menengahkan kegiatan-kegiatan masyarakat kampung sejak dahulu kala bagi pengetahuan sekali gus dialami oleh generasi muda kampung tersebut.



ANTARA aktiviti sukan yang disertai oleh penduduk kampung.

**KUALA BELAIT, Ahad, 23 Februari.** - Para peserta Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) Kali Ke IX Tahun 2014 Fasa IV - Berkhidmat Untuk Masyarakat meneruskan misi di Daerah Belait telah disambut dalam Majlis Selamat Datang di sini.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait, Yang Berhormat Awang Haji Mohd Yusof bin Haji Dulamin hadir selaku tetamu kehormat di majlis yang diadakan di Dewan Bandaran, di sini.

PBCTA Fasa IV disertai lebih 30 belia dan beliawanis daripada Daerah Brunei Muara, Daerah Tutong dan Daerah Temburong terpilih ke Daerah Belait. Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Cawangan Daerah Belait pada tahun ini memberikan penghormatan dan memilih Majlis Perundingan Kampung Pekan Belait sebagai Tuan Rumah.

Selama tiga hari berada di daerah ini, para peserta PBCTA akan melakukan berbagai aktiviti yang telah disusun dan dirancang meliputi kegiatan yang berbentuk keagamaan, kemasyarakatan, kebudayaan, kerja-kerja gotong-royong, lawatan dan sukan rekreasi seperti Solat Subuh Berjemaah, menaikkan bendera diikuti senam pagi, melawat ke Syarikat BSP Sdn. Bhd. dan mengadakan Malam Kesenian dan Kebudayaan.

# Program BCTA teruskan misi

**Berita dan Foto :  
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**

Acara penutup program Fasa IV akan diadakan sebelah petang 25 Februari ini dan tetamu kehormat dijangka hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Haji Ahmad.

Pengisian majlis penutup itu nanti termasuklah ucapan daripada wakil peserta, persembahan daripada Majlis Perundingan Kampung Pekan Belait, penyampaian cenderamata dan acara menyerahkan bendera kepada wakil peserta PBCTA daripada tetamu kehormat kepada ketua peserta yang bergerak ke Daerah Belait itu.

Sementara itu, majlis menyambut ketibaan para peserta telah dimulakan dengan perbarisan tiba peserta-peserta PBCTA kemudian diteruskan dengan acara penyerahan bendera kepada tetamu kehormat majlis serta diserikan dengan persembahan dari Skim Pencak Silat, JBS, Cawangan Daerah Belait dan seterusnya sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

Ketua Cawangan JBS, Cawangan Daerah Belait, Awang Haji Zulkifli bin Haji Tengah menyatakan Fasa IV - Berkhidmat Untuk Masyarakat merupakan salah satu program yang dimuatkan dalam PBCTA dan merupakan projek tahunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam dikendalikan oleh JBS, Cawangan Daerah Belait dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung Pekan Belait.

Awang Haji Zulkifli menjelaskan, tujuan program diadakan bagi meningkatkan semangat kenegaraan dan kekitaan dalam kalangan belia dan masyarakat di negara ini serta bagi kesedaran belia dan masyarakat sebagai Generasi Berwawasan dalam nilai-nilai hidup bermasyarakat, beragama, bernegara serta berpersatuan.

Program itu juga kata beliau, untuk membangunkan kecergasan jasmani dan kematapan rohani para belia supaya menjadi tabah serta mempunyai fikiran yang luas dan terbuka, di samping



**PARA peserta Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) Kali Ke IX Tahun 2014 Fasa IV - Berkhidmat Untuk Masyarakat meneruskan misi di Daerah Belait telah disambut dalam Majlis Selamat Datang.**

menyemarakkan semangat setiakawan, kerja-kerja bergotong-royong dan saling bantu membantu di antara satu dengan yang lain, serta bagi mengekalkan, mengeratkan persaudaraan antara masyarakat sekeliling serta melibatkan masyarakat tempatan dalam memahami dengan baik dan dapat menangani segala hal ehwal belia.

Beliau menyatakan bahawa program tersebut merupakan urutan fasa-fasa sebelumnya. Pada Fasa I, Iltizam Belia Dengan Orang Ramai telah disertai 50 belia Daerah Belait yang mengikuti upacara menaikkan bendera Negara Brunei Darussalam, mengagih-agihkan bendera ke

rumah-rumah di sekitar Pekan Daerah Belait dan kerja gotong-royong yang telah pun diadakan pada 9 Februari lalu.

Fasa II - Perarakan Bendera Negara Brunei Darussalam yang telah berlangsung pada 17 Februari lalu melibatkan 32 peserta mewakili keempat-empat daerah. Di Fasa II ini, para peserta telah singgah ke lapan lokasi yang dikenalpasti bagi upacara menaikkan bendera bermula di kawasan letak kereta Pejabat Daerah Belait yang telah dilancarkan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman.

Sementara Fasa III - Menyertai Perbarisan Lalu

Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-30 Tahun yang berlangsung di Perhimpunan Agung Sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkia, Berakas dan para peserta kemudian telah bergerak ke Daerah Belait untuk meneruskan Fasa IV program berkenaan.

Para peserta dijangka akan berkumpul semula di Bandar Seri Begawan pada 25 Februari ini di sebelah petang bagi aktiviti selanjutnya dan persediaan menyertai Acara Penutup Rasm PBCTA yang dijadualkan akan berlangsung pada 27 Februari 2014.

## Sedia berkorban mempertahankan negara

**Berita dan Foto :  
Khartini Hamir**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Februari.** - Pada setiap tanggal 23 Februari merupakan tarikh yang sangat bermakna dan signifikan bagi Negara Brunei Darussalam kerana pada tarikh tersebut akan disambut oleh semua rakyat dan penduduk negara ini sebagai hari kemenangan kita mencapai kemerdekaan yang akan sentiasa dikenang dan bersemadi dihati kita selaku bangsa yang bermaruah.

Dalam usia kemerdekaan Negara Brunei Darussalam mencecah 30 tahun, jelas merupakan satu tempoh kemerdekaan yang gilang-gemilang di mana di sepanjang tempoh tersebut terdapat banyak pencapaian dan perkembangan yang telah negara hadapi dan tempuhi serta kecapi terutama dari segi pembangunan dan kemajuan mengikut perubahan dan peredaran masa.

Menjelaskan mengenai perkara tersebut ialah Ketua Unit Perhubungan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei, DSP Pengiran Haji Abdul Salam bin Pengiran Haji Abdul Ghani semasa ditemu bual khas Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Ke-30, 2014 oleh wakil PELITA BRUNEI yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkia, di sini

Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 tahun jelasnya, membawa makna kepada negara dan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama melalui liku-liku kemerdekaan sejak tahun 1984 dan ianya bukanlah satu jangka masa yang pendek dalam erti kata sebenar pencapaian dan perkembangan kemerdekaan di mana negara dan rakyat semakin matang dan berusia dalam menempuh atau mencapai kemajuan pembangunan, perkembangan sosiobudaya, ekonomi dan politik.

Negara Brunei Darussalam ujarnya lagi, di bawah pemerintahan dan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berupaya membawa rakyat melaksanakan dan menunaikan matlamat kemerdekaan negara dalam erti kata lain Negara Brunei Darussalam telah banyak membuktikan kemajuan yang berkembang pesat dari masa ke semasa seperti dalam infrastruktur pembangunan, pengukuhan ekonomi serta kemajuan dari segi pendidikan sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi demokratik dengan bersendikan ajaran Islam mengikut Ahli Sunnah Waljamaah.

Selain itu, negara juga telah dapat mengekalkan keamanan, keselamatan, kesejahteraan dengan mewujudkan kemakmuran hidup beragama dan beradat resam, di samping golongan belia remaja juga turut memainkan peranan mereka dengan menyertai perhimpunan agung Hari Kebangsaan dan melibatkan diri secara aktif dalam apa jua aktiviti kenegaraan yang bercorak keagamaan, kebudayaan dan sukan dengan menunjukkan semangat kecintaan kepada raja, agama, bangsa dan negara demi mendukung dan merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Menyentuh mengenai tema Hari Kebangsaan 'Generasi Berwawasan' pada tahun ini, Dayang Kaniz binti Abdul Shakoer dari Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkia, juga selaku Setiausaha Kegiatan dan Antarabangsa Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam menjelaskan, 'Generasi Berwawasan' ialah golongan belia, anak muda yang mempunyai aura keyakinan dan kecemerlangan diri yang tinggi dan kemahiran dalam membangun negara dengan pesatnya di masa hadapan dengan kestabilan ekonomi.

Generasi Berwawasan terangnya, ialah generasi yang boleh menjadi pemimpin yang berkualiti dan berwibawa dan melaksanakan tugas dengan jujur dengan berpandukan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan mempunyai tahap kecerdasan fizikal, mental dan spiritual.

Remaja ujarnya, merupakan aset

negara yang juga pelapis pemimpin pada masa hadapan dan perlu mempunyai semangat patriotik. Sebagai warganegara yang sejati, remaja harus menyayangi negara dengan sepenuh hati dan memberikan sumbangan kepada negara.

Manakala menjelaskan mengenai pandangan atau perkembangan yang dapat beliau lihat dalam masa 30 tahun kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, Dayang Kaniz menerangkan dalam usia 30 tahun kemerdekaan Negara Brunei Darussalam telah banyak membuat perubahan yang dapat dilihat dan dinikmati oleh rakyat dan penduduknya antaranya dari segi pendidikan seperti yang dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah DYMM supaya rakyat dan penduduknya untuk mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi sejajar dengan Wawasan Negara 2035.

Antaranya ujar beliau, Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) telah banyak memberikan platform yang sesuai dengan tahap pencapaian belia dengan membuka berbagai institusi pengajian dalam bidang akademik, teknikal dan juga vokasional. Selain itu bidang sukan juga turut diserapkan dalam kurikulum sekolah dan generasi baru inilah yang akan dapat membangun negara dengan lebih mantap lagi berasaskan kemahiran-kemahiran yang telah dipelajari dan diperolehi.

Dari segi ekonomi pula terangnya, selain hasil minyak dan gas, Negara Brunei Darussalam juga telah membuka industri methanol dan cottage industry iaitu satu produk satu kampung dan mula mengeksport produk yang dihasilkan keluar negeri.

Manakala dari segi sosial, negara merupakan antara negara di rantau dunia yang mempunyai pembangunan yang pesat dalam bidang ICT dan juga tidak ketinggalan dalam penggunaan ICT di sekolah-sekolah, jabatan-jabatan kerajaan dan juga media massa.

Menyentuh dari segi agama ulasnya lagi, hasrat pembangunan negara adalah untuk menjadikan negara kita

sebagai sebuah Negara Zikir bersandarkan dengan pegangan falsafah Melayu Islam Beraja dan terkini negara dalam sedikit masa lagi akan mula mewartakan Akta Perintah Kanun Hukum Jenayah Syariah yang merangkumi pelaksanaan hukum hudud mulai 22 Oktober 2013 yang lalu, sebagai salah satu kemajuan dalam proses menyesuaikan undang-undang negara dengan hukum syarak.

Sementara itu, Pengiran Shahrin bin Pengiran Haji Abd. Rahman dari Jabatan Penerbangan Awam menyatakan kita selaku warganegara Brunei Darussalam patut bersyukur dilahirkan di negara yang bertuah, aman dan sentosa serta dikurniakan seorang pemimpin yang adil saksama serta berjiwa rakyat menjadikan dekat dan mesra bersama rakyat dan penduduknya.

Di bawah naungan baginda itu jelasnya, kerajaan dan pembangunan Negara Brunei Darussalam kini dapat kita perhatikan, negara begitu pesat membangun bukan sahaja dalam bidang perekonomian malah perindustrian, pendidikan serta pelbagai bidang lain yang membentuk sebagai sebuah negara yang bertaraf antarabangsa di peringkat dunia.

Beliau sendiri juga begitu sangat teruja dapat berpeluang melibatkan diri dalam Sambutan Hari Kebangsaan NBD kali ini untuk sama-sama merasa kemerahan patriotisme dengan para peserta yang lain yang turut sama mengambil bahagian.

Detik kegemilangan ini ditambah seri dan bersejarah dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta kerabat diraja yang lain untuk bercemar duli bagi menikmati saat kemerdekaan negara kali ini serta menjadi ristaan bagi generasi akan datang.

Beliau turut mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memelihara Negara Brunei Darussalam dalam lindungan-Nya secara berterusan aman, makmur dan selamat seluruh isi di dalamnya.



**KETUA Unit Perhubungan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei, DSP Pengiran Haji Abdul Salam bin Pengiran Haji Abdul Ghani.**



**PENGERAN Shahrin bin Pengiran Haji Abd. Rahman dari Jabatan Penerbangan Awam.**



**DAYANG Kaniz binti Abdul Shakoer dari Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkia (kanan).**

## Berkenan menerima mengadap Earl of Cranbrook Ke-5

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Earl of Cranbrook Ke-5, Yang Amat Berhormat Gathorne Gathorne-Hardy di Istana Nurul Iman, di sini.

Yang Amat Berhormat Lord Cranbrook berada di Negara Brunei Darussalam atas undangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi Majlis Pelancaran Projek Kajian Sungai Ingei, Fasa II- 'Faunal Biodiversity Survey in the Extension Zone of the Proposed Belait Basin Wildlife Sanctuary'.

Turut hadir dalam Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Juga hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama David Campbell.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Earl of Cranbrook Ke-5, Yang Amat Berhormat Gathorne Gathorne-Hardy.**

## Seorang anggota JI berjaya ditahan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Februari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berusaha secara berterusan bagi memastikan Negara Brunei Darussalam bebas daripada sebarang ancaman anasir-anasir jahat termasuklah ancaman pengganasan yang cuba untuk mengganggu gugat keamanan, keharmonian dan keselamatan negara. Sehubungan itu, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) telah menahan Daniel@Awaluddin Sitorus, 44 tahun, seorang warga asing yang bermastautin di negara ini di bawah Bab 3(1)(a) Akta Keselamatan Dalam Negeri yang mula berkuat kuasa pada 21 Februari 2014 kerana penglibatan beliau dalam kegiatan yang berkaitan dengan elemen pengganasan di negara ini.

Semasa menjalani proses siasatan JKDN, Daniel@Awaluddin Sitorus mengaku menganggotai Kumpulan Jemaah Islamiyah (JI) dan pernah mengikuti latihan militan ketenteraan di Afghanistan pada awal tahun 1990-an.

Beliau pernah ditahan atas dakwaan terlibat dalam pengeboman di Medan, Indonesia pada tahun 2000 dan juga mengaku pernah menggunakan beberapa nama lain seperti Ustaz Yasin Abu Yasar, Dani dan Daniardalin dan melibatkan diri dalam perniagaan perubatan herba di negara ini, yang mana tindakan beliau ini adalah untuk mengaburi mata pihak berkuasa dari terus dikesan.

Hasil siasatan juga mendapati bahawa Daniel@Awaluddin Sitorus terus berhubung dengan ketua utama Kumpulan Mujahidin Indonesia (KMI) dan pernah menguruskan kemasukan individu yang mencurigakan keselamatan ke Negara Brunei Darussalam pada tahun 2013.

JKDN menilai kegiatan Daniel @Awaluddin Sitorus adalah menjadi

perancang kepada perancangan masa depan anggota atau bekas anggota kumpulan pengganas untuk memasuki dan bertapak di negara ini dan seterusnya menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai tempat persembunyian atau *safe heaven* serta tempat penyaluran dana kepada kumpulan pengganas di luar negara.

Tindakan menahan Daniel@Awaluddin Sitorus ini diambil sebagai langkah pencegahan dan atas dasar tidak toleransi Kerajaan Kebawah DYMM ke atas sebarang elemen yang berhubung kait dengan aktiviti pengganasan di negara ini.

Di waktu yang sama, penahanan Daniel@Awaluddin Sitorus ini juga menunjukkan tahap komitmen dan kerjasama yang tinggi di antara agensi perisikan dan penguatkuasaan dalam dan luar negara dalam memerangi sebarang aktiviti-aktiviti yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Sehubungan ini juga, JKDN mengingatkan orang ramai untuk sentiasa berwaspada akan muslihat dan dakyah palsu golongan-golongan yang mengaku turut mendukung hasrat suci Negara Brunei Darussalam untuk melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah tetapi kemudiannya memesongkan dukungan kepada kepentingan-kepentingan lain seperti kegiatan ekstremisme dan pengganasan.

Ke arah ini, JKDN juga mengingatkan orang ramai supaya sentiasa bersedia menjadi *mata dan telinga* kerajaan dengan menyalurkan apa jua maklumat yang boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman orang awam di negara ini khususnya mengenai individu atau kumpulan yang terlibat dengan aktiviti militan dan pengganasan kepada Hotline JKDN 133 atau mana-mana cawangan JKDN di negara ini.

Dari muka 1

Baginda mengambil maklum, kriteria penilaian AKC kali ke-3 ini merangkumi aspek-aspek kepimpinan perekonomian yang menjurus kepada satu kampung satu produk, pendidikan, keagamaan dan kemasyarakatan serta kebersihan dan keceriaan persekitaran kampung.

Terdahulu baginda bertitah, AKC kali ke-3 yang diperkenalkan pada tahun 2008 itu dapat diteruskan hingga ke hari ini dengan sebanyak 104 Majlis Perundingan Kampung di seluruh negara telah menyertainya dan dari jumlah tersebut dianggap sebagai satu peningkatan yang memberangsangkan.

Walau bagaimanapun, titah baginda, jumlah tersebut belumlah meliputi jumlah keseluruhan Majlis-Majlis Perundingan Kampung Negara Brunei Darussalam kerana jumlah kesemuanya adalah sebanyak 181 buah, menandakan bahawa peningkatan adalah masih diperlukan.

"Beta akan gembira, jika MPMK dapat menjalankan peranannya sebagai badan pergerakan akar umbi dan kemasyarakatan. Beta juga sangat mengharapkan supaya Skim AKC ini dapat merangsang ke arah usaha-usaha menjahterakan masyarakat mukim dan kampung," tegas baginda.

## MMN Ke-10 bermula 6 Mac

Oleh :  
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

**BANDAR SERI BEGAWAN**, 28 Februari. - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat (JMMM) memaklumkan bahawa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi tahun 2014 akan diadakan pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 Hijriah bersamaan 6 Mac 2014 Masihi, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di Jalan Dewan Majlis.

Pada Persidangan Musim Kespuluh ini, MMN akan membentangkan dan membahaskan sebuah rang undang-undang iaitu Rang Undang-Undang Perbekalan bagi tahun 2014/2015.

Pada lazimnya berikutan Istiadat Pembukaan Rasmi tersebut, Sesi Persidangan MMN akan dimulakan pada keesokan harinya ataupun pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh Yang Di-Pertua MMN yang mana ianya adalah dibukakan kepada orang awam yang berminat untuk mendengarkan perbincangan dan perbahasan di dalam Dewan Persidangan MMN. Ianya juga boleh dihadiri oleh mana-mana institusi pendidikan kerajaan dan swasta yang berminat untuk memberikan pendedahan mengenai tatacara membincangkan dan membentangkan sesebuah rang undang-undang di Negara Brunei Darussalam kepada penuntut-penuntut atau mahasiswa/mahasiswi.

MMN Musim Kespuluh ini akan dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila

Utama Haji Awang Ibrahim dengan dibantu oleh Jurutulis I (Pertama) kepada MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar dan Jurutulis II (Kedua) kepada MMN, Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam bin Abd. Momin.

Bagi orang awam yang berhasrat untuk menghadiri dan menyaksikan Persidangan MMN adalah diminta untuk membawa kad pengenalan untuk mendapatkan pas keselamatan badan di pos-pos sekuriti dan mematuhi peraturan kod pakaian yang telah ditetapkan.

Bagi mana-mana institusi pendidikan kerajaan mahupun swasta yang berhasrat untuk membawa penuntut-penuntut atau mahasiswa/mahasiswi untuk menyaksikan sendiri Persidangan MMN atau membuat Lawatan Sambil Belajar adalah dipohonkan untuk menghubungi Urusetia Persidangan MMN Kespuluh di talian 2384286 atau 2381611 untuk urusan lebih lanjut.

Bagi pegawai-pegawai yang berhasrat untuk menghadiri Persidangan MMN diminta membawa kad pengenalan untuk mendapatkan pas keselamatan badan di pos-pos sekuriti.

Mana-mana pihak yang berhasrat untuk menghadiri Sesi Persidangan MMN adalah diminta untuk mematuhi beberapa peraturan, khususnya berkenaan dengan kod pakaian termasuklah peraturan-peraturan semasa berada di dalam Dewan Persidangan MMN.

Pada kebiasaannya, Sesi Persidangan MMN dibahagikan kepada Sesi Pagi yang bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan Sesi Petang yang dimulakan pada pukul 2.00 petang hingga 4.30 petang.

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai Persidangan MMN Kespuluh ini bolehlah melayari [www.majlismesyuarat.gov.bn](http://www.majlismesyuarat.gov.bn) atau menghubungi terus Urusetia Persidangan MMN Kespuluh di talian 2384286 atau 2381611.

**KAMPUNG CEMERLANG PERLUKAN KEPIMPINAN BERWIBAWA**

دتریتکن اوله جباتن فئراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.